



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eight Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

---

**Jilid IV**

**Bil. 5**

**Hari Isnin**

**16hb Mei, 1994**

---

#### KANDUNGAN

#### PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Perutusan daripada Dewan Rakyat** (Ruangan 1)

**URUSAN MESYUARAT** (Ruangan 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 2)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang—undang Jalan-jalan Persekutuan  
(Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1993** (Ruangan 44)

**Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994** (Ruangan 72)

**Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara  
(Syarikat Pengganti) 1994** (Ruangan 87)

**Rang Undang—undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
(Pindaan) 1994** (Ruangan 108)

#### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat** (Ruangan 117)



DN.16.5.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Isnin, 16hb Mei, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

"12hb Mei, 1994

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rancangan Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rancangan Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994;
2. Rancangan Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) 1994;
3. Rancangan Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994;
4. Rancangan Undang-undang Keganasan Rumah Tangga 1994; dan
5. Rancangan Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan) 1994.

Yang ikhlas,

**t. t.**

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

## URUSAN MESYUARAT

**Timbalaa Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PENAHANAN PEMANDU PELANCONG MALAYSIA DI NEGERI CHINA

**1. Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) sudah adanya berapa kes pemandu pelancong ditahan oleh pihak-pihak tertentu di Republik Rakyat China dalam 1993 dan 4 bulan pertama 1994;
- (b) apakah sebab-sebabnya yang membawa kepada penahanan ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian seperti ini berulang pada masa depan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di sepanjang tahun 1993 Kementerian ini tidak ada menerima sebarang aduan daripada orang awam mengenai kes pemandu pelancong (tour leader) yang ditahan oleh pihak-pihak tertentu di Republik Rakyat China. Walau bagaimanapun

pada tahun tersebut terdapat satu kes sedemikian dişikarkan di dalam suratkhobar tempatan yang melibatkan sebuah agensi pelancongan di negeri Perak tetapi tiada sebarang aduan yang telah dibuat kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Di sepanjang tempoh empat bulan pertama tahun ini satu aduan mengenai kes Pemandu Pelancong ditahan di negeri China telah diterima oleh Kementerian ini. Kes ini membabitkan agensi pelancongan di Johor Bahru yang melibatkan 46 orang rakyat Malaysia terkandas di Guangzhou pada 8hb April tahun ini. Ahli-ahli rombongan tersebut telah dilepaskan dan selamat kembali ke Malaysia tetapi Pemandu Pelancongnya masih ditahan di negeri China.

- (b) Sebab utama yang menyebabkan penahanan Pemandu Pelancong (Tour Leader) adalah kerana krisis pembayaran hutang (tour fees) di antara agen pelancongan Malaysia dan agen pelancongan tempatan di negeri China.
- (c) Kementerian ini memandang serius terhadap kejadian seumpama ini. Dengan kuasa perundangan yang ada Kementerian ini akan mengenakan tindakan keras terhadap mana-mana agensi yang terlibat dengan membatalkan terus lesen perniagaannya. Langkah-langkah yang teliti juga akan diambil untuk menapis permohonan-permohonan lesen baru serta meningkatkan syarat modal minimum agensi-agensi

yang mengendalikan pelancongan luar negeri (out-bound) untuk memastikan mereka mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Berbagai usaha penguatkuasaan akan juga diperkukuhkan dari masa ke semasa untuk mengawal agensi-agensi pelancongan tempatan agar kejadian-kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari negara China, adakah biasa di negara-negara lain juga Pemandu Pelancong ini ditahan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, menurut aduan yang diterima oleh pihak Kementerian saya, perkara ini telah berlaku di luar negara lain juga iaitu di negara Arab dan Indonesia. Walau bagaimanapun, kedua-dua kejadian ini telah pun diselesaikan.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha yang akan kita ambil untuk mendapatkan pembebasan Pemandu Pelancong yang masih ditahan di negeri China?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, perundingan masih diteruskan oleh pihak Kedutaan Malaysia di Beijing dengan pihak Kementerian Luar Negeri China dan pihak Kementerian berharap bahawa perkara ini akan diselesaikan tidak berapa lama lagi.

**PROGRAM PENINGKATAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI - KESAN**

**2. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah rakyat Malaysia yang membayar cukai pendapatan dan jumlah hasil yang diperolehi; dan
- (b) sejauhmana kesannya sejak program ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti melalui minggu perkhidmatan pembayar cukai.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat setakat 31.12.1993 jumlah rakyat Malaysia yang membayar cukai pendapatan adalah seramai lebih kurang 2,163,440 dan jumlah hasil yang diperolehi dalam tahun 1993 adalah lebih kurang RM4.023 bilion.

Keberkesanan khusus Program Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai (MPPC) adalah sukar untuk ditentukan. Walau bagaimanapun, daripada petunjuk-petunjuk yang ada, didapati sambutan daripada orang awam telah meningkat. Pengunjung kaunter-kaunter yang disediakan semasa minggu berkenaan telah meningkat daripada hanya kira-kira 62,000 orang dalam tahun 1992 kepada kira-kira 103,000 orang dalam tahun 1993 dan seterusnya hampir 173,000 orang pada tahun ini. Pendaftaran pembayar cukai baru juga telah meningkat daripada kira-kira 7,000 dalam tahun 1992 kepada kira-kira 11,000 dalam tahun 1993 dan melebihi 15,000 dalam tahun ini.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat rakyat negara ini yang berkemampuan untuk membayar cukai pendapatan, tetapi telah lari ke luar negara sama ada ke Australia dan terus bermastautin di sana?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang tidak membayar cukai pendapatan dan lari dari negara ini berlaku dalam tahun-tahun yang lalu, tetapi langkah-langkah telah diambil untuk mendapat balik pendapatan yang tidak dibayar dan juga memastikan bahawa tidak ada lagi rakyat yang boleh melarikan diri dari membayar cukai pendapatan dan lari ke negara-negara lain.

#### BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA - SAMBUTAN RAKYAT

**3. Tuau Haji Dol bin Dollah minta** Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah sambutan rakyat Malaysia pada masa ini menjelang tahun 2000 terhadap barang-barang buatan Malaysia memandangkan masih terdapat sebilangan besar rakyat kita masih ragu dengan kualiti dan mutu barangan buatan Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sebilangan besar rakyat Malaysia masih ragu dengan kualiti dan mutu barangan buatan Malaysia. Sambutan rakyat negara ini serta masyarakat antarabangsa terhadap barang-barang buatan Malaysia telah meningkat tahun demi tahun disebabkan oleh kualiti barangan buatan Malaysia yang sudah meningkat ke tahap yang tinggi. Pencapaian ini juga telah membawa kejayaan besar kepada eksport



negara dan ini jelas terbukti sekiranya diperhatikan kepada peningkatan nilai eksport barang-barang keluaran Malaysia tahun demi tahun.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 1993 eksport barangan buatan Malaysia telah meningkat kepada RM89,699 juta dan menyumbang 30% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam pada itu pihak GATT (General Agreement on Tariff and Trade), dengan izin, telah melaporkan bahawa Malaysia telah meningkat kepada kedudukan ke-19 dari segi jumlah nilai eksport pada tahun 1993 berbanding dengan kedudukan ke 21 pada tahun sebelum.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat beberapa barang buatan Malaysia yang kualitinya tidak begitu memuaskan. Bagi mengatasi masalah **ini**, Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti barang-barang buatan negara pada masa-masa yang akan datang melalui berbagai program peningkatan kualiti. Di - antara program-program yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Skim Sistem Persijilan Kualiti (The Quality System Certification Scheme);
- (ii) Skim Persijilan Barangan (Product Certification Scheme);
- (iii) Skim "Accreditation". Makmal (Laboratory Accreditation Scheme);
- (iv) Skim Penyenaiaan Barangan (Product Listing Scheme);
- (v) Anugerah Kualiti Perdana Menteri;

- (vi) Skim Pembangunan dan Rekabentuk Barangan di bawah "Industrial Technical Assistance Fund" (ITAF); dan
- (vi) Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti, juga di bawah ITAF.

Selain daripada program-program peningkatan kualiti di atas yang dijalankan oleh Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan MITI, Kerajaan juga telah mewujudkan Pusat Rekabentuk Kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Program untuk mendedahkan para pengeluar terhadap keperluan kualiti pasaran antarabangsa telah juga turut dilaksanakan melalui penyertaan di pameran barangan antarabangsa di luar negara di raana syarikat-syarikat kecil dan sederhana digalak untuk turut serta. MITI adalah sentiasa peka terhadap kualiti barangan buatan Malaysia khususnya barangan eksport dan oleh itu Kementerian saya akan terus meningkatkan program-program bagi memperbaiki mutu barangan keluaran Malaysia.

#### **DISIPLIN GURU DAN MURID - PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

**4. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membuat kajian tentang pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang boleh mensabitkan mereka yang melakukan kesalahan yang melibatkan ahli-ahli sekolah iaitu guru-guru pentadbir dan murid-murid terutamanya di dalam bidang salahlaku dan disiplin. Ini memandangkan bidang kuasa Kementerian Pendidikan bukan hanya sekadar mendidik tetapi juga bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan moral dan fizikal dan kesihatan murid-murid.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak perlu membuat kajian terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang melibatkan guru-guru atau murid-murid di sekolah kerana perkara ini sentiasa dalam pengawasan Kementerian Pendidikan secara berterusan. Disiplin guru-guru adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan disiplin murid-murid adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959.

Pengawasan disiplin pelajar bukan hanya menjadi tanggungjawab guru, malah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mengawasi disiplin pelajar terutamanya semasa pelajar-pelajar tersebut berada di luar kawasan sekolah.

#### **JABATAN AIR NEGERI SABAH - MENGAMBILALIH PENTADBIRAN**

**5. Tuan Johan B.O.T. Ghau @ Christopher** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah rancangan Kementerian tersebut untuk mengambilalih pentadbiran Jabatan Air Negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Bcrhormat, Kementerian Kerja Raya tidak ada apa-apa rancangan untuk mengambilalih pentadbiran Jabatan Air Negeri Sabah.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara air adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

**SRJK(T) BATU GAJAH - PEMBINAAN BANGUNAN DAN PADANG PERMAINAN**

**6. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai isu yang telah dibangkitkan pada 20.12.93, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga di Dewan Negara mengenai masalah yang dihadapi oleh SRJK(T) Batu Gajah:

- (a) apakah tindakan pihak Kerajaan terhadap isu tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan memberi peruntukan kemudahan untuk memperluaskan kawasan sekolah supaya dapat membina sebuah padang permainan untuk sekolah tersebut.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendidikan Negeri Perak sedang merancang untuk menyediakan sebuah bangunan gantian yang lengkap dengan padang permainan bagi sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

**RANCANGAN TV YANG DIIMPORT - FAEDAH JANGKA PANJANG**

**7. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangan TV yang diimport dari negara seperti CNN mendatangkan faedah jangka panjang ke Malaysia, dan jika ya, adakah Kementerian ini bercadang untuk mengimport filem-filem dari syarikat TV lain seperti "STAR TV" ditayangkan di-kaca TV kita. Dan jika bersetuju, berapakah kos bayaran terhadap kedua rangkaian TV asing ini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, RTM dari scmasa ke semasa mempelbagaikan rancangan-rancangannya untuk memenuhi citarasa penonton. Pengambilan rancangan-rancangan CNN adalah untuk membanyakkan lagi sumber berita dan maklumat bagi masyarakat kita. Dengan berbuat demikian, ianya akan mendatangkan faedah jangka panjang daripada segi sumber berita dan maklumat bagi masyarakat Malaysia.

Satu lagi langkah Kerajaan untuk menambah rangkaian informasi rakyat ialah dengan melaksanakan Program SNS (Satellite Network Service) yang akan menggunakan perkhidmatan "Star TV". SNS akan dikendalikan oleh pihak swasta secara berkongsi dengan RTM. Syarikat usahasama ini akan berunding dengan "Star TV" kelak. Kos perkhidmatan CNN ialah RM1 jutasetahun.

**PENDERAAN KANAK-KANAK DAN ISTERI - JUMLAH KES**

**8. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak kes mendera kanak-kanak dan isteri sejak tahun 1991; dan
- (b) nyatakan berapa kes yang dibawa ke mahkamah untuk menuntut keadilan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes penderaan kanak-kanak sepanjang tahun 1991 adalah sebanyak 2,906 dan bilangan kes penderaan isteri pula ialah 101.
- (b) Bilangan kes penderaan kanak-kanak yang dibawa ke mahkamah dalara tempoh tahun 1991, 1992 ialah sebanyak 274, Bagi kes penderaan isteri pula tidak ada kes yang dibawa ke mahkamah kerana peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam perkara ini adalah hanya untuk mendamaikan pasangan-pasangan suami-isteri yang berbalah ini.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, selain dari kes penderaan kanak-kanak dan isteri, adakah kes penderaan suami dan adakah dibawa ke mahkamah?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang kes-kes seperti ini berlaku tetapi Kementerian tidak mendapat laporan. Untuk menyenangkan Yang Berhorraat **itu**, satu Rang Undang-undang telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat iaitu Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga dan ini termasuk juga suami-suami.

#### **INDUSTRI BERASASKAN BAHAN TEMPATAN - PENCAPAIAN**

**9. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh mana pencapaian industri berasaskan bahan tempatan dicapai. Berapa jumlah industri yang telah menembusi pasaran antarabangsa.

**Datuk S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri berasaskan bahan tempatan adalah meliputi industri kimia dan petrokimia, makanan, minyak kelapa sawit, kayu dan getah. Pada keseluruhannya, industri bahan tempatan ini telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 1993 berbanding pada tahun 1992. Pengeluaran sektor industri berasaskan bahan tempatan telah meningkat pada tahun 1993 berbanding dengan tahun 1992. Jumlah pengeluaran industri keluaran kayu, kimia dan petrokimia dan getah telah meningkat kepada RM80,247 juta pada tahun 1993 berbanding dengan RM73,086 juta pada tahun 1992. Manakala pengeluaran minyak kelapa sawit yang diproses juga telah meningkat daripada 7,750 tan metrik kepada 11,816 tan metrik pada tahun 1992 iaitu meningkat sebanyak 50%.

Di samping itu, industri berasaskan bahan tempatan ini juga telah memberi pekerjaan sebanyak 326,026 orang pada tahun 1993 berbanding dengan 307,600 orang pada tahun 1992.

Dari segi pelaburan pula, seungguhpun jumlah projek dan nilai cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian ini telah berkurangan kepada 156 projek dengan nilai cadangan pelaburan berjumlah RM3,529 juta dalam tahun 1993 berbanding dengan 176 projek dengan nilai cadangan pelaburan RM13,307 juta pada tahun 1992, akan tetapi kekurangan ini adalah kerana pengurangan projek industri petrokimia terutamanya projek besar kilang penapis minyak. Pada tahun 1992, nilai cadangan pelaburan bagi 6 projek petrokimia yang diluluskan adalah sebanyak RM10,531.0 juta dan pelaburan sedemikian adalah dijangkakan tidak berlaku tiap-tiap tahun. Dalam tahun 1993 nilai cadangan pelaburan adalah sebanyak RM3 juta bagi dua projek yang diluluskan pada tahun tersebut. Ini adalah selaras dengan arah aliran pelaburan dalam sektor ini dalam tahun-tahun yang lepas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua jenis industri berasaskan bahan tempatan yang dinyatakan di atas telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Ini boleh dilihat dari segi prestasi eksport keluaran industri ini. Jumlah eksport industri keluaran berasaskan bahan tempatan telah meningkat sebanyak 29% iaitu kepada RM13,964 juta pada tahun 1993 berbanding dengan RM10,826 juta pada tahun 1992. Jumlah eksport ini adalah merupakan masing-masing 16% dan 15% daripada jumlah keseluruhan eksport sektor perkilangan iaitu RM89.699 juta bagi tahun 1993 dan RM71,453 juta bagi tahun 1992.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kes-kes di mana pengilang-pengilang ada pilihan boleh membeli bahan-bahan input dari sumber-sumber tempatan ataupun sumber-sumber luar, adakah dalam kes-kes ini diwajibkan bahawa mereka mesti memperoleh bahan-bahan input dari sumber-sumber tempatan? Umpamanya, baru-baru ini ada kes berkait dengan industri plastik di mana kilang-kilang plastik walaupun boleh memperoleh input dari sumber luar pada kos yang lebih rendah tetapi dimestikan memperoleh daripada sumber-sumber tempatan. Ini bukan dipaksa tetapi perlu mendapat permit untuk mendapatkan dari sumber luar. Mengapa adanya dasar sedemikian? Tidakkah ini akan menaikkan kos pengeluaran mereka?

**Datuk S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah khas kepada barangan plastik sahaja iaitu bahan-bahan yang digunakan di dalam pembuatan barang-barang plastik itu. Tetapi ini adalah satu tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih pengeluaran barang-barang asas digunakan didalam industri plastik ini. Saya rasa ini adalah satu tindakan sementara dan pada masa-masa akan datang masalah ini akan diselesaikan.



## LESEN KENDERAAN KOMERSIL - JUMLAH PERMOHONAN

**10. Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang diterima untuk memohon lesen kenderaan komersil dan perdagangan bagi tahun 1991 hingga Mac 1994 dan jumlah permohonan yang berjaya bagi tempoh tersebut untuk kesemua jenis;
- (b) jumlah permohonan yang berjaya dalam permohonan mereka tetapi tidak dapat membuat pendaftaran kenderaan mereka. Dan adakah Kementerian bercadang untuk membatalkan lesen mereka ini setelah tamat tempoh had masa yang diberikan untuk mendaftarkan lesen mereka; dan
- (c) memandangkan sejak kebelakangan ini berlaku banyak kes di mana pemandu dan konduktor bas mini telah melakukan keganasan terhadap penumpang bas mini, apakah tindakan Kementerian dalam kes-kes seperti ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka**

**Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah permohonan lesen kenderaan komersil antara tahun 1991 hingga bulan Mac, 1994 ialah 79,784 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 29,691 lesen telah diluluskan.
- (b) Jumlah permohonan yang berjaya dalam permohonan mereka tetapi tidak dapat membuat pendaftaran kenderaan mereka tidak dapat diperolehi kerana tempoh untuk melesen atau mendaftarkan kenderaan tersebut adalah dua tahun dan ada waktunya diberi peluang untuk melanjutkan masa lebih daripada tempoh yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan sebanyak 80% permohonan yang berjaya mendaftarkan kenderaan mereka dalam tempoh yang ditetapkan pada mula-mulanya. Pada dasarnya sememangnya lesen yang

diluluskan akan dibatalkan sekiranya kenderaan yang berhubung dengan lesen yang diluluskan itu tidak didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan. Namun begitu, tempoh untuk mendaftar dan melesenkan kenderaan akan dilanjutkan mengikut merit kes masing-masing.

(c) Kesalahan-kesalahan ini pada amnya adalah terhad kepada tutur-kata dan isyarat badan. Ianya tidak termasuk kekasaran fizikal yang dilakukan ke atas penumpang. Kes-kes sedemikian adalah dilaporkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ke atas pesalah-pesalah adalah mengkompaun kesalahan atau menggantung lesen vokasional mereka atau menahan bas mini selama satu bulan. Usaha-usaha untuk membaiki perkhidmatan pemandu dan konduktor bas mini termasuklah:

- (i) memberi ceramah kepada bakal pemandu dan pemandu bas mini dan berdialog dengan Persatuan Pengusaha Bas Mini;.dan
- (ii) mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pesalah-pesalah terbabit.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang digunakan untuk meluluskan segala permohonan untuk lesen kenderaan komersil dan perdagangan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa syarat asas yang perlu dipatuhi. Salah satu syarat ialah si pemohon itu mesti mempunyai kemampuan untuk mengusahakan kenderaan komersil yang dipohon dan mereka mesti ada rekod kewangan yang terbukti.

Selain daripada itu pengalaman dalam bidang itu juga akan diambil kira. Ada juga beberapa syarat yang lain yang tidak dapat saya terangkan dengan terperinci kerana maklumat yang spesifik itu tidak ada pada saya.

#### MAJIKAN MELINDUNGI PENDATANG TANPA IZIN - USAHA MEMBENDUNG

**11. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah kontraktor-kontraktor tempatan yang melindungi buruh-buruh asing yang datang tanpa dokumen sah dan apakah usaha untuk mengelakkan kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1993 seramai 193 orang majikan telah diambil tindakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kerana kesalahan memberi perlindungan kepada pendatang asing tanpa izin.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung gejala ini ialah dengan mengadakan operasi berterusan oleh agensi penguatkuasa, khususnya pihak Polis dan Imigresen di tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi tumpuan pendatang tanpa izin seperti di tapak pembinaan, kilang dan ladang-ladang bagi mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin dan majikan yang memberi perlindungan. Di samping itu, kawalan juga dipertingkatkan di persisiran pantai dan sempadan antarabangsa terutama sekali di tempat-tempat yang dikenal pasti dijadikan tempat mendarat dan pintu masuk pendatang tanpa izin ke negara ini.

**SOC SO - PAMPASAN ISTERI MENGALAMI KEMALANGAN KERJA**

**12. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah benar apabila isteri kepada suami yang mengalami kemalangan dan meninggal semasa kerja boleh mendapat pampasan SOC SO, tetapi suami kepada isteri yang mengalami kemalangan dan meninggal semasa kerja pula tidak boleh menerima apa-apa pampasan. Sekira benar, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mewujudkan keadilan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Jika isteri meninggal dunia akibat bencana kerja di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan, suaminya layak mendapat faedah orang tanggungan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 27 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dengan syarat suami itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada pendapatan isterinya pada masa kematiannya.

Jika isteri meninggal dunia bukan akibat bencana kerja dan memenuhi syarat kelayakan untuk pencen penakat, suaminya layak mendapat pencen penakat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 20(b) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dengan syarat suami itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada pendapatan isterinya pada masa kematiannya.

**PUSAT JAGAAN LANJUTAN PENAGIH DADAH**

**13. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah mewujudkan lebih banyak pusat jagaan lanjutan penagih dadah di seluruh negara bagi tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri akan menambah sebanyak 10 buah Pusat Jagaan Lanjutan pada tahun ini dan 10 buah lagi pada tahun 1995.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Limun Laikim.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 14.

**ASKAR MALAYSIA DI BOSNIA-HERZEGOVINA - PENINGKATAN PERANAN**

**14. Tuan Fraukie Chong Yu Chee [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang dijalankan oleh Malaysia untuk menamatkan peperangan di Bosnia-Herzegovina, khususnya di bandar Gorazde yang sedang dikepung oleh pengganas Serb, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi askar-askar Malaysia di Bosnia.

**17.5.94**

**15. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kementerian bercadang akan mendesak Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) bagi membantu rakyat Bosnia ekoran kelemahan PBB dalam kejadian terbaru di Gorazde, Bosnia.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri,

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail yang dijadualkan pada esok iaitu 17 Mei, 1994.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan kemampuan negara, Malaysia telah membuat pelbagai usaha dalam bidang diplomasi untuk mendesak kuasa-kuasa besar supaya mengambil tindakan segera dan tegas untuk menamatkan krisis di Bosnia-Herzegovina.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengutuk pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta Majlis Keselamatan dan NATO kerana gagal mencegah serangan puak Serb ke atas bandar Gorazde.

Dalam hal **ini**, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutus surat kepada Setiausaha Agung PBB dan Presiden Amerika Syarikat untuk menyatakan kekesalan beliau berkaitan dengan kejadian di Gorazde.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru kedua-dua pemimpin tersebut supaya mengambil tindakan-tindakan yang perlu termasuk tindakan-tindakan untuk menarik balik sekatan senjata ke atas Bosnia-Herzegovina.

Bersabit dengan kejadian di Gorazde, Menteri-menteri Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC Contact Group) telah mengadakan satu mesyuarat tergempar di New York pada 27 April 1994. Menteri Luar Negeri Malaysia telah menyertai mesyuarat tersebut di antara lain telah mengutuk dengan keras serangan Serb ke atas bandar

Gorazde. Mesyuarat tersebut telah juga membuat keputusan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mendapatkan kelulusan Majlis Keselamatan supaya mengisytiharkan bahawa resolusi 713/1991 yang mengenakan sekatan senjata ke atas Bosnia-Herzegovina adalah tidak sah dan bercanggah dengan Artikel 51 Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara OIC yang lain telah menggesa Majlis Keselamatan supaya menerima tawaran daripada beberapa negara OIC untuk menyertai UNPROFOR.

Malaysia dan negara-negara OIC yang lain telah juga mendesak pihak-pihak yang berkenaan supaya OIC diberi peluang untuk turut serta dalam sebarang perundingan damai baru yang dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia pada masa ini mempunyai seramai 1,500 anggota tentera yang berkhidmat di bawah UNPROFOR. Memandangkan Malaysia menyokong kuat perjuangan orang-orang Bosnia soal menambahkan lagi askar-askar Malaysia di Bosnia-Herzegovina akan dipertimbangkan sekiranya keadaan memerlukan.

#### "EAEC" - SAINGAN OLEH "APEC" DAN "NAFTA"

**15. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pandangan Kerajaan Malaysia terhadap tujuan Amerika Syarikat atas pembentukan 'APEC' dan hubung kaitnya terhadap 'EAEC';

- (b) jika perbezaan pandangan YAB Perdana Menteri terhadap persidangan 'APEC' di Seattle dengan pemimpin 'ASEAN' yang lain boleh menimbulkan perasaan salah faham; dan
- (c) pandangan Malaysia terhadap 'NAFTA' yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

- (a) Pembentukan Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tiada hubung kaitnya. Amerika Syarikat adalah salah sebuah daripada 17 buah negara anggota APEC. Keputusan-keputusan yang diambil di dalam APEC adalah berdasarkan kepada "consensus". Dengan hal yang demikian, Amerika Syarikat tidak boleh bertindak secara bersendirian. Cadangan penubuhan EAEC pula adalah untuk menyambung jurang ataupun memudahkan perhubungan negara-negara anggota dengan APEC. Pada peringkat awal penubuhannya, keanggotaan di dalam EAEC hanyalah untuk negara-negara Asia Timur sahaja. Manakala keahlian yang lain akan difikirkan kemudian.
- (b) Mesyuarat Tidak Rasmi Ketua-ketua Negara APEC di Seattle, Amerika Syarikat dalam bulan November 1993 diadakan bukan



berdasarkan kepada 'consensus' kesemua negara-negara anggota APEC. Manakala Mesyuarat Tidak Rasmi Ketua-ketua Negara APEC yang dijadualkan berlangsung di Indonesia pada akhir tahun ini adalah hasil daripada 'consensus' oleh negara-negara anggota APEC. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi di Indonesia itu. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke mesyuarat di Indonesia itu juga menunjukkan perpaduan di kalangan negara-negara ASEAN. Yang sedemikian itu sudah pasti akan menambahkan persefahaman di antara negara-negara ASEAN dan meningkatkan keupayaan suara ASEAN di dalam APEC.

- (c) Kerajaan Malaysia tiada halangan dengan Perjanjian Mengadakan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) sekiranya pengwujudannya menguatkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala yang bebas dan tidak berbentuk satu blok perdagangan yang tertutup. Sungguhpun dengan adanya NAFTA, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain berharap agar segala bentuk pelaburan masuk terutamanya kepada negara-negara ASEAN tidak terganggu dan berjalan dengan lancar.

## SIARAN TELEVISYEN WAKTU PAGI - KESAH

16. **Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin** minta Menteri Penerangan menyatakan kesan siaran TV bermula pada sebelah pagi dan apakah akan kita adakan siaran 24 jam pula.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, siaran pagi TV bermula pada 1hb Mac 1994. Masa siaran bermula dari jam 6.00 pagi dan kandungannya berbentuk rancangan-rancangan Berita dalam dan luar negeri. Penerbitan segmen rancangan-rancangan berbentuk Wawasan Suci, Program Cergas dan Cerdas, Sarapan Malaysia, Kita Pengguna, Kesihatan, Lakukan Sendiri dan berbagai-bagai lagi.

Tujuannya ialah untuk penonton TV mendapat manfaat dari rancangan-rancangan yang berbentuk maklumat dan pendidikan. Tidak ada rancangan berbentuk hiburan disiarkan pada waktu ini. Menurut kajian awal siaran pagi TV bulan Mac mendapat ratings 2 pada waktu bermula siaran jam 6.00 pagi dan ratings ini meningkat kepada 6 menjelang pukul 10.00 pagi. Mulai bulan April 1994 perubahan pada waktu tayangan - Berita pagi telah dibuat dan ini dijangkakan akan menambahkan lagi bilangan penonton yang menonton siaran TV pagi **ini**.

Menurut respon ataupun maklum balas orang ramai rata-rata menyatakan bahawa kandungan rancangan-rancangan siaran pagi TV1 ini memberi manfaat dan berkesan kepada mereka. RTM bercadang untuk meningkatkan kualiti persembahannya dari masa ke semasa dengan menyusun semula strategi penjadualan dan tajuk rancangan-rancangan setelah kajian terperinci dibuac 6 bulan dari tarikh siaran pagi dimulakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian belum bercadang untuk mengadakan siaran TV 24 jam, kerana keperluannya belum lagi wujud.

#### **HENTIAN PUDURAYA - GANTIAN KOMPLEKS TERMINAL BARU**

**17. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilakah Kementerian bercadang untuk mengubah hentian Pudu Raya ke kawasan yang lebih strategik untuk kemudahan orang awam, memandangkan kawasan tersebut semakin sesak dan orang awam terpaksa memikul barang-barang yang berat disebabkan kemudahan yang terhad; dan
- (b) sekiranya ada, di manakah tapak cadangan tersebut dan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan segala kemudahan termasuk tangga bergerak untuk kemudahan orang awam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedang dalam usaha untuk menggantikan Hentian Pudu Raya dengan satu kompleks terminal pengangkutan yang serba moden dan bersepadu. Projek berkenaan sedang dalam pelaksanaan dan ia adalah projek usahasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Plaza Rakyat

Sdn. Bhd. dan dijangka siap menjelang tahun 1997. Majlis Perasmian Pecah Tapak projek berkenaan telah diadakan pada 12hb April, 1994 dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Tapak cadangan kompleks terminal ini ialah di atas Padang Selangor Chinese Recreation Club (SCRC) dan Tanah rizab KTM serta kawasan sekitarnya yang terletak bersebelahan dengan Hentian Pudu Raya yang sedia ada.

Sebagai satu kompleks terminal pengangkutan yang serba moden dan bersepadu, kompleks ini akan menyediakan berbagai kemudahan kepada orang ramai. Di antara kemudahan-kemudahan yang akan disediakan ialah:-

- (i) platform LRT yang selesa dan luas;
- (ii) tempat ketibaan dan tempat berlepas bas yang berasingan;
- (iii) tempat menunggu bas berhawa dingin;
- (iv) tempat penjualan tiket yang strategik;
- (v) kemudahan lif dan tangga bergerak untuk orang awam dan juga kemudahan khas untuk orang 'handicap'; dan
- (vi) tempat rehat dan surau.

Dengan terbinanya kompleks terminal bersepadu ini ianya diharapkan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan selesa kepada orang ramai.

**PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH - KAWALAN HARGA**

**18. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah projek perumahan kos rendah yang telah didirikan di seluruh negara mengikut negeri sejak dari tahun 1992. Adakah beliau sedar harga rumah yang ditawarkan oleh pihak pemaju bukanlah harga rumah kos rendah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bia Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sejak tahun 1992 sehingga bulan April 1994 sejumlah 73,640 unit rumah kos rendah telah didirikan oleh sektor awam dan swasta. Kedudukannya mengikut negeri adalah seperti berikut:-

| <b>Negeri</b>       | <b>Bil unit siap<br/>1992 - April 1994</b> |
|---------------------|--|
| Perlis              | 594  |
| Kedah               | 14,975                                     |
| Pulau Pinang        | 5,900                                      |
| Perak               | 3,396                                      |
| Selangor            | 7,702                                      |
| Wilayah Persekutuan | 5,398                                      |
| Negeri Sembilan     | 2,453                                      |
| Melaka              | 1,478                                      |
| Johor               | 18,978                                     |
| Pahang              | 7,593                                      |
| Terengganu          | 685  |
| Kelantan            | 2,101                                      |
| Sarawak             | 954  |
| Sabah               | <u>1,433</u>                               |
| Jumlah:             | 73,649                                     |
|                     | =====                                      |

Kerajaan telah menetapkan harga rumah kos rendah sebagai tidak melebihi RM25,000. Mana-mana penawaran harga lebih tinggi daripada RM25,000 oleh pemaju adalah salah dan akan menjejaskan kuota rumah kos rendah yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan ke atas pemaju berkenaan kerana kesalahan melanggar syarat kelulusan penggunaan tanah mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat kerana ini soal tanah.

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan angka-angka yang diberi oleh pihak Timbalan Menteri tadi, tetapi saya cuma hendak tanya, baru-baru ini kita dengar bahawa rancangan rumah kos rendah yang telah diluluskan menerusi Rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan Keenam masih tidak mencukupi seperti apa yang diharapkan oleh Kerajaan. Apakah langkah-langkah Kerajaan Tempatan dalam saranan yang telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita dengar baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa walaupun pada awalnya setiap pemaju telah disyaratkan di dalam projek-projek memajukan perumahan-perumahan sama ada kos tinggi ataupun kos medium, yang disyaratkan juga membina rumah-rumah kos rendah, tetapi jadual pembinaannya mestilah disamakan. Maknanya jika rumah-rumah kos tinggi juga melibatkan dalam penjadualan pembinaan yang sama, jadi pembinaan rumah-rumah kos rendah juga tidak boleh dikemudiankan.

Biasanya pemaju-pemaju lebih mengutamakan pembinaan rumah-rumah yang kos tinggi, sebaliknya kos rendah akan dibina kemudian. Jadi, saranan Timbalan Perdana Menteri menyatakan supaya kos rendah juga dibina serentak dengan rumah-rumah kos tinggi ataupun kos medium.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan telah memutuskan supaya rumah kos rendah ini didirikan dengan keadaan lebih selesa? Maksudnya kalau dahulu satu bilik, dua bilik, apakah Kerajaan sekarang memutuskan untuk mengadakan rumah murah ini dengan keadaan tiga bilik ataupun lebih selesa daripada yang lepas-lepas?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dasar ini sudah pun berjalan, iaitu rumah yang selesa bagi sebuah keluarga dalam negara kita ialah sekurang-kurangnya tiga bilik dengan kemudahan-kemudahan lain yang biasanya ada pada setiap rumah yang ideal.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Wilayah Persekutuan ada beberapa projek yang membekalkan rumah kos rendah tetapi pengagihan rumah kos rendah bukan dijalankan oleh Jabatan Perumahan DBKL, tetapi ianya diuruskan oleh pemaju sendiri?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pengagihan rumah kos rendah ini dilakukan oleh DBKL sendiri, bukan Kementerian Perumahan.

**EAEC - JAMINAN PERTAMBAHAN PELABURAN ASING**

**19. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pelaburan-pelaburan asing akan lebih banyak datang ke Malaysia setelah ditubuhkan EAEC.

**Datuk S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King telah pun dijawab pada 12.5.1994 semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' K. Vijayanathan. Oleh yang demikian, tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

**ORANG ASLI - PENGLIBATAN DALAM FELCRA**

**20. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa pendapatan Orang Asli dalam projek pembangunan tanah di beberapa buah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli oleh FELCRA adalah @ RM50.00 sebulan sekeluarga:

- (a) adakah projek pembangunan tanah ini berupaya meningkatkan ekonomi peserta-peserta Rancangan Pengumpulan Semula (RPS); dan
- (b) Orang Asli selaku peserta Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), tetapi tenaga kerja mereka tidak dilibatkan dalam menjayakan rancangan dan mengeluarkan hasil. Tenaga kerja tersebut diberi kepada buruh-buruh asing. Apakah tindakan susulan supaya Orang Asli selaku peserta rancangan turut dilibatkan tenaga buruh mereka dalam rancangan tersebut.



**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato'**

**Mohamad bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek-projek RPS boleh meningkatkan taraf ekonomi peserta-peserta Orang Asli bukan sahaja daripada pulangan yang diperolehi dari projek RPS melalui bayaran dividen kepada peserta, tetapi juga melalui penglibatan mereka secara langsung dalam pembangunan projek-projek tersebut. Mereka mestilah bersedia untuk menjadi pekerja ladang sama ada sebagai penoreh, pemungut buah atau pekerja ladang. Dengan cara ini, dijangka mereka mampu memperolehi upah yang memuaskan. Berdasarkan pengalaman di beberapa buah projek RPS FELCRA, seorang pekerja ladang boleh memperolehi pendapatan bulanan yang memuaskan. Pembayaran dividen yang diperolehi pula pada kebiasannya akan terus meningkat setelah projek melebihi peringkat titik pulangan modal yang biasanya dicapai selepas 2 tahun projek mengeluarkan hasil.
- (b) Adalah tidak benar FELCRA tidak melibatkan tenaga kerja Orang Asli di RPS. Bagaimanapun, mereka mestilah menunjukkan kesediaan berbuat demikian dan berkemahiran untuk menoreh dan melaksanakan kerja ladang yang lain. Penggunaan tenaga kerja asing sebenarnya timbul apabila kontraktor yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan hasil ladang ataupun penjagaan

ladang tidak mempunyai sumber tenaga daripada penduduk-penduduk tempatan termasuk masyarakat Orang Asli sendiri kerana pada pemerhatian FELCRA mereka lebih berminat untuk melakukan kerja-kerja lain seperti mencari damar, rotan, pekerja balak dan sebagainya. Memandangkan kepada pasaran buruh yang terhad dan bertambah pula kurang kecenderungan masyarakat tempatan apatah lagi Orang-orang Asli bagi bekerja di ladang-ladang, pihak kontraktor tiada alternatif lain melainkan menggunakan tenaga pekerja asing untuk menjalankan tugas-tugas tersebut.

**Tuan Itam Wali bin Nawan :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah meninjau sendiri di kawasan-kawasan yang saya sebut dalam pertanyaan ini, dan Orang-orang Asli yang berkenaan telah bertanya dengan saya, "bolehkah mereka selaku buruh di tempat-tempat tersebut? Tetapi apabila saya bertanya dengan pihak FELCRA bahawasanya ada alasan-alasan lain mereka ini tidak boleh diterima. Pekerja-pekerja yang ada dalam projek ini adalah mereka yang datang daripada luar, daripada Bangladesh, Indonesia dan tempat-tempat lain. Dan orang-orang ini pula saya difahamkan di antaranya tidak mendapat dokumen-dokumen sah bekerja di sini. Jadi, hakikat daripada dia tidak bekerja dalam kawasan rancangan yang diperuntukkan untuk Orang Asli ini tadi, dia terpaksa mencari damar, buluh dan berladang seperti sedia kala. Jadi, alasan yang diberi ini yang mana satu yang kita hendak terima? Pertanyaan saya, sama ada yang saya buat kajian sendiri atau yang diperolehi oleh pihak Kementerian? Itu pertanyaan saya.

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman yang ada di beberapa projek RPS **ini**, kita mendapat tahu dari kontraktor yang melaksanakan projek ini bahawa terdapat kekurangan tenaga buruh tempatan. Oleh sebab itulah, maka kontraktor-kontraktor berkenaan terpaksa mencari buruh luar. Tetapi sekiranya terdapat Orang-orang Asli yang terlibat di dalam RPS ini mahu memberikan khidmat mereka untuk bekerja di ladang-ladang bolehlah memberi tahu kepada FELCRA supaya kita memberi tahu kepada kontraktor bahawa apa yang mereka perkatakan itu sebenarnya Orang Asli sendiri mahu bekerja di dalam rancangan yang dinyatakan tu.

#### DISIPLIN MURID-MURID - LANGKAH MENGATASI

**21. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa disiplin murid-murid sekolah pada masa ini sudah menurun hingga berlaku perkara-perkara seperti murid-murid memukul guru, murid-murid memukul murid-murid lain dan sebagainya. Jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi gejala buruk ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab sekali gus bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Rashid bin Ismail dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Negara pada 9hb Mei 1994.

**HUBUNGAN DAN KERJASAMA ANTARA MALAYSIA-FILIPINA**

**22. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kewujudan balik perhubungan dari segi ekonomi dan politik hasil dari lawatan Perdana Menteri ke Filipina dan apakah langkah-langkah susulan yang diambil bagi mewujudkan fahaman 'co-existence' bagi isu Pulau Spratly, APEC dan EAEC.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan dan kerjasama di antara Malaysia dengan Filipina telah mula berkembang selepas lawatan rasmi Presiden Ramos ke Malaysia pada 27hb ke 30hb Januari 1993. Keadaan ini adalah juga disebabkan oleh keazaman Presiden Ramos untuk meningkatkan hubungan rapat dengan negara-negara jiran Filipina.

Di samping itu, kepimpinan kedua-dua negara berhasrat menumpukan usaha ke arah kerjasama ekonomi dan perdagangan dalam perhubungan antara Malaysia dan Filipina. Mereka juga bersetuju supaya segala masalah di antara kedua buah negara diselesaikan dalam semangat muhibah dan persahabatan. Ekoran dari itu, Suruhanjaya bersama mengenai kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Filipina telah ditubuhkan dan mesyuarat pertamanya telah diadakan pada 6hb hingga 10hb Disember 1993 di Manila bagi membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara dalam berbagai bidang.

Lawatan rasrai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Filipina pada 3hb hingga 6hb Februari 1994 telah seterusnya berjaya memperkukuhkan lagi hubungan dua hala yang telah dijalinkan semenjak lawatan Presiden Ramos.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Filipina, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengadakan perjumpaan yang lebih kerap di antara pemimpin kedua-dua negara dan juga menggalakkan pertukaran lawatan di antara Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia dan Filipina untuk meningkatkan hubungan di antara kedua-dua negara. Di samping itu, pihak swasta dari Malaysia dan Filipina juga digalakkan menjalankan usaha meneroka peluang perdagangan dan pelaburan di kedua-dua buah negara.

Mengenai isu Pulau Spratly, Malaysia dan Filipina menyokong Deklarasi ASEAN mengenai Laut China Selatan dan dipersetujui di Mesyuarat ke-25 Menteri-menteri Luar ASEAN di Manila pada bulan Julai 1992 di mana negara-negara anggota ASEAN bersetuju supaya masalah-masalah berkaitan dengan soal ini diselesaikan secara aman dan melalui perundingan.

Mengenai isu APEC, Malaysia dan Filipina bersependapat bahawa APEC boleh membantu di dalam meningkatkan kemajuan ekonomi Asia-Pasifik. Mengenai isu EAEC pula, Presiden Ramos sendiri telah menyuarakan sokongan Kerajaan Filipina terhadap EAEC.

**INSTITUSI SWASTA - MENGULANG KAJI DASAR PENDIDIKAN**

**23. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) dasar pengajian tinggi negara memandangkan perkembangan-perkembangan negatif yang terdapat di kalangan institusi-institusi swasta yang tidak langsung mengambil kira bukan sahaja mutu bahkan kebajikan pelajar-pelajar.
- (b) adakah Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengulangkaji dasar pendidikan institusi pengajian tinggi agar unsur negatif yang membawa implikasi yang tidak diingini tidak berterusan dan menjejaskan Dasar Pendidikan Negara dengan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih ketat untuk memastikan:-
  - (i) mutu pelajaran tinggi adalah sejajar dengan dasar pendidikan tinggi negara;
  - (ii) mutu kelulusan dan etika mengajar guru-gurunya adalah dapat mentauladani tidak sebaliknya menimbulkan berbagai masalah sosial; dan
  - (iii) kawalan disiplin terhadap penuntut - pergaulan penuntut dengan penuntut dan juga dengan penuntut dan juga guru dan penuntut selain daripada pakaian, rambut dan tingkah laku.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dasar pendidikan tinggi bertujuan untuk memberikan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar-pelajar. Sekiranya terdapat mana-mana institusi pendidikan swasta menyeleweng dari hasrat tersebut, tindakan akan diambil.

Ke arah ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 di samping sedang menggubalkan suatu Akta Pendidikan Tinggi Swasta yang khusus untuk mengemaskinkan pengurusan dan melicinkan pentadbiran universiti.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga sedang menyediakan draf undang-undang penubuhan Lembaga Akreditasi Negara yang bertujuan untuk mengawal mutu pelajaran institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

Berhubung dengan kawalan disiplin terhadap pelajar institusi pendidikan tinggi, sebenarnya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 sudah pun terdapat peraturan tata tertib bagi mengawal tingkahlaku dan kegiatan pelajar di universiti tempatan. Peruntukan yang sama juga dicadangkan untuk Akta Pendidikan Swasta yang baru.

#### PROGRAM BERKEMBAR KOLEJ SWASTA

**24. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian sudah mengenalpasti mengenai dakwaan terdapat beberapa buah kolej swasta mempunyai program berkembar dengan universiti terkenal di luar negara benar-benar wujud

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi pendidikan swasta sememangnya diberi kebenaran mengendalikan program berkembar dengan universiti-universiti terkenal di luar negeri. Setakat **ini**, 16 buah institusi-institusi pendidikan swasta telah pun diberikan kebenaran tersebut.

**DOKTOR MENDAPAT BIASISWA KERAJAAN - JUMLAH MELETAK JAWATAN**

**25. Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaikan doktor-doktor yang mendapat biasiswa dari Kerajaan telah keluar iaitu tidak berkhidmat dengan Kerajaan setakat **ini**, jika benar begitu apakah mereka telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada mereka ini iaitu setiap pelajar yang menerima biasiswa apakala telah tamat dan berjaya mestilah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya lima tahun dan apakah mereka ini keluar sesudah habis tempoh yang diwajibkan atau tidak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' R. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor yang mendapat biasiswa dari Kerajaan yang meletakkan jawatan sebelum habis tempoh ikatan perjanjian adalah seramai 370 orang iaitu bagi tempoh 1983 hingga 1993.

Tempoh wajib di bawah perjanjian biasiswa bagi doktor ialah selama 10 tahun. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sememangnya mengambil tindakan undang-undang ke atas doktor-doktor berkenaan kerana kegagalan memenuhi syarat perjanjian berkhidmat dengan Kerajaan dengan denda sebanyak RM70,000.

**BUKU TEKS SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN - MEMPERBAHARUI**

**26. Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian Pendidikan akan membaharui buku-buku teks di sekolah-sekolah rendah kebangsaan sejak tahun 1982 masih digunakan lagi, sedangkan pembelajarannya terlalu rendah kalau dibandingkan dengan kemajuan kanak-kanak masa kini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang memulakan penerbitan buku teks baru sekolah rendah KBSR untuk semua aliran. Penggunaan buku-buku ini akan bermula



dengan Tahun Satu pada sesi persekolahan 1995/1996 dan seterusnya diikuti dengan tahun yang berikut pada Tahun Dua hingga ke Tahun Enam secara berperingkat- peringkat.

Walau bagaimanapun, bagi dua mata pelajaran baru iaitu buku teks baru Sains Tahun Empat dan Kajian Tempatan Tahun Empat akan mula dipakai pada sesi persekolahan 1994/1995.

#### INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK - BILANGAN

**27. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah bilangan sekolah seliaan yang ada di negara ini dan bilangan penuntutnya;
- (b) apakah kes-kes yang dihantar ke sekolah ini; dan
- (c) apakah kemudahan pendidikan yang diberikan kepada mereka.

**Tuaa Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengendalikan 18 buah institusi pemulihan akhlak di seluruh negara manakala jumlah penghuni di kesemua institusi tersebut ialah 1,284 orang.
- (b) Mereka yang diperintah masuk oleh mahkamah ke institusi ini adalah terdiri dari mereka yang melakukan berbagai kesalahan jenayah seperti mencuri, merompak, bergaduh, melanggar undang-undang kecil perbandaran dan mereka yang tidak boleh dikawal oleh ibu bapa.
- (c) Scmasa di institusi, mereka diberi berbagai latihan dan pendidikan seperti agama dan moral, latihan akademik, kemahiran vokasional dalam bidang motor mekanik, kimpalan, pertukangan kayu, jahitan, kraftangan, kajisawat clektrik, menerap batu-bata dan pertanian. Mereka juga diberi bimbingan dan kaunseling.

**TUDM - KEBERKESANAN REFORMASI KETENTERAAN**

**28. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan reformasi ketenteraan khususnya dalara TUDM yang telah dijalankan ekoran tragedi pesawat Cessna 402 terhempas di Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka pada 15 April lalu.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, reformasi TUDM masih lagi di peringkat awal untuk dilihat akan keberkesanannya. Walau bagaimanapun, segala usaha telah dilaksanakan oleh semua markas dan unit-unit di bawah naungan bagi membentuk TUDM sebagai sebuah organisasi yang berkesan, cekap serta siap sedia untuk bertempur.

Lembaga Penyiasatan masih lagi dijalankan untuk mengenal pasti punca utama sebab-sebab berlakunya kemalangan Cessna di Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka.

**SEKOLAH PERSENDIRIAN CINA DI SABAH - PERUNTUKAN**

**29. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buahkah sekolah persendirian Cina di Sabah dan daripada itu berapakah mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan bilakah peruntukan ini diberi, yakni sejak tahun bila.

**Datuk Dr. Fong Chao Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat hanya 9 buah sekolah menengah persendirian (Cina) di Sabah. Sekolah-sekolah ini dijanjikan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk tempoh lima tahun mulai daripada tahun 1994.

**KONTRAK SYARIKAT BRITISH - SIKAP KERAJAAN MALAYSIA**

**30. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah nilai kontrak syarikat Inggeris yang sebenarnya akibat perubahan dasar Kerajaan Malaysia terhadap firma-firma Inggeris disebabkan media massa Inggeris keterlaluan menuduh pemimpin Malaysia dan adakah Kerajaan akan berubah sikap memulihkan keadaan seperti biasa disebabkan ramai pemimpin Kerajaan Inggeris sudah pun mengakui kesilapan dan kelemahan kebebasan akhbar di Britain.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak menamatkan mana-mana kontrak yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat British. Kerajaan akan sentiasa menghormati komitmen yang telah dibuat dan oleh itu kontrak yang telah ditandatangani ini akan terus dilaksanakan.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik larangan tersebut. Walau bagaimanapun, ianya akan dikaji semula sekiranya pihak-pihak akhbar British mengubah sikap untuk lebih bertanggungjawab dan membuat laporan yang benar dan tepat.

#### KEMATIAN RABIA ABDUL SALAM - PERKEMBANGAN SIASATAN

**31. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berhubung dengan kematian mengejut pelari pecut antarabangsa Rabia Abdul Salam, bolehkah beliau memberi keterangan mengenai perkembangan daripada kedua-dua penyiasatan iaitu penyiasatan forensik dan Polis, pandangan sifat-sifat bolehkah beliau mengesahkan sama ada beliau telah dimaklumkan mengenai perkembangan-perkembangan penyiasatan Polis dan jika ya, apakah kedudukan terkini daripada penyiasatan sedemikian.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Teng Gaik Kwau]:** Tuan Yang di-Pertua, kematian Allahyarham Rabia Abdul Salam masih lagi dalam siasatan pihak Polis. Sehingga siasatan berkenaan selesai, Kementerian ini belumlah dapat menyatakan secara pasti tentang kedudukan yang berhubung dengan kematian atlet berkenaan.

Siasatan Polis dan Jawatankuasa Bebas yang ditubuhkan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh KOAM masih lagi dijalankan dan Kementerian Belia dan Sukan masih belum lagi menerima laporan-laporan mengenai perkembangan-perkembangan berkaitan dengan penyiasatan berkenaan.

**PEMEGANG PASPORT MALAYSIA - KESALAHAN TINGGAL  
LEBIH MASA DI LUAR NEGARA**

**32. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah rakyat Malaysia yang memegang pasport antarabangsa telah tinggal di luar negeri melebihi tempoh masa yang diberikan pada masa setakat **ini**. Sila juga menyatakan jumlah mereka dan di negeri mana.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Mei 1994, sebanyak 24,631 pemegang pasport Malaysia telah dikenal pasti melakukan kesalahan tinggal lebih masa di luar negara. Dari jumlah tersebut seramai 22,077 orang melakukan kesalahan di negara Jepun, 856 orang di United Kingdom, 310 orang di Australia, 228 orang di Hong Kong, 199 orang di Jerman, 197 orang di Singapura, 170 orang di Belanda dan di lain-lain negara adalah 594 orang.

**ATLIT WANITA - SIASATAN KES PENCABULAN**

**33. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kenapakah kes pencabulan atlit yang dilaporkan berlaku dari tahun 1989 baru kini hendak disiasat. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas badan/persatuan sukan yang cuba menyembunyikan kes yang amat memalukan dunia sukan tanah air itu.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, kes pencabulan atlit wanita baru kini hendak disiasat kerana mangsa berkenaan telah membuat laporan Polis. Siasatan terhadap kes pencabulan atlit wanita baru ini dijalankan kerana mangsa berkenaan telah membuat laporan Polis pada bulan Februari tahun ini walaupun peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1989. Kegiatan sukan di negara ini digerakkan melalui semangat kesukarelaan oleh persatuan sukan kebangsaan. Kegiatan mereka berdasarkan kepada kebebasan berpersatuan yang berautonomi.

Kementcrian Belia dan Sukan bersama-sama dengan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pembangunan sukan akan memastikan supaya nama baik masyarakat sukan dipelihara dan penyelewengan serta kecurangan dapat dielakkan. Ianya dapat dilakukan sekiranya perkara-perkara berikut dapat direalisasikan:-

- (i) semua pihak memegang teguh kepada nilai-nilai yang murni dan tulen yang di antaranya ialah perpaduan, keyakinan diri, sikap saling menghormati, moral dan etika luhur, fahaman tolak ansur, kepakaran, budaya penyayang, amalan keadilan dan saksama dan daya saing serta daya tahan yang tinggi;
- (ii) bahawa persatuan seharusnya mempunyai mekanismenya sendiri untuk memastikan perjalanan persatuan sentiasa terpelihara dan self-regulatory;
- (iii) peminat sukan dan masyarakat umum berfungsi sebagai pengawal sosial yang boleh membanteras amalan yang negatif di kalangan atlit/pentadbir sukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 34 hingga 50 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

## RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.37 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Leo Moggie Anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1984 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru mengenai hukuman ke atas sesiapa yang disabitkan kesalahan kerana enggan membayar tol di lebuh raya yang diswastakan, Bagi lebuh raya yang dikendalikan secara langsung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, peruntukan di bawah Seksyen 25(2)(a) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 menetapkan penalti terhadap sesiapa yang menggunakan lebuh raya yang enggan membayar tol.

Dalam peruntukan itu, penalti yang dikenakan di bawah Akta Lembaga Lebuhraya adalah denda maksimum-sebanyak RM5,000 atau penjara selama tempoh maksimum satu tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, peruntukan itu tidak merangkumi lebuh-lebuh raya yang dikendalikan oleh pihak-pihak lain, maka difikirkan munasabah peruntukan yang bersamaan perlu diadakan dalam Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Bagi maksud ini satu seksyen baru pada Akta tersebut adalah dicadangkan.

Seksyen baru 8 kepada Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1984 memberi kuasa untuk mengenakan hukuman penalti sebanyak tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM5,000 dan sekiranya ingkar membayar denda tersebut, pesalah itu boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, bagi sesiapa yang enggan membayar tol yang sah setelah atau apabila menggunakan jalan, jambatan atau feri yang dikendalikan oleh sesebuah syarikat swasta. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Dr Toh Kin Woon.

**3.41 ptg.**

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ke Dewan yang mulia sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mesti mengatakan bahawa saya rasa sedikit kluatir atau bimbang dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta ini. Di antaranya terdapat hukuman denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 di atas mereka yang didapati salah kerana tidak membayar tol untuk kegunaan sebarang jalan, jambatan atau feri. Dan yang kedua, keengganan membayar hukuman denda ini akan bererti pesalah akan dijatuhkan hukuman pemenjaraan untuk suatu tempoh tidak melebihi satu tahun. Saya mendapati kedua-dua hukuman ini agak keras sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sebarang langkah undang-undang yang diambil mesti terdapatnya suatu matlamat. Seringkali matlamat ini adalah bertujuan mengawal ataupun memperbetulkan satu corak tingkah laku manusia yang didapati oleh Kerajaan dan seterusnya oleh rakyat sebagai tidak dikehendaki dari segi sosial. Dalam kes *ini*, tingkah-laku yang tidak dikehendaki ialah dengan sengajanya enggan membayar tol untuk menggunakan jalan-jalan, jambatan-jambatan atau feri-feri.

Pindaan-pindaan kepada Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 yang telah dikemukakan ke Dewan yang mulia **ini**, justeru bertujuan untuk memberhentikan tingkah-laku yang tidak dikehendaki ini. Maka adalah diharapkan dengan adanya pindaan-pindaan sedemikian, semua yang menggunakan jalan-jalan, jambatan-jambatan atau feri-feri yang dikenakan akan membayar tol ke atas kegunaan kemudahan-kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati peruntukan-peruntukan dalam Akta ini sebagai keras atas beberapa sebab. Yang pertama, bilangan yang sengaja enggan membayar tol ke atas kegunaan jalan, jambatan atau feri amat kecil sekali. Pindaan-pindaan kepada Akta justeru bertujuan memperbetulkan tingkah-laku yang tidak dikehendaki dari segi sosial yang tidak wujud secara berleluasa sebenarnya. Saya memang tidak ada statistik tetapi Yang Berhormat Menteri mungkin dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini tentang betapa berleluasa bilangan yang enggan membayar, umpamanya berapa peratus daripada jumlah yang menggunakan jalan-jalan, jambatan-jambatan atau feri-feri. Tekaan saya ialah peratus ini amat kecil sekali.

Di antara mereka yang tidak membayar tol pun, ramai di antara mereka tidak ada niat sengaja tidak membayar tol **ini**. Mereka mungkin tidak membayar kerana mereka lupa membawa wang bersama-sama dengan mereka ataupun mereka tiba-tiba kehabisan wang. Keadaan sedemikian seringkali timbul, khasnya di kalangan kanak-kanak sekolah. Tetapi peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta ini tidak membuat perbezaan antara mereka yang secara degil enggan membayar daripada mereka yang mahu membayar tetapi mungkin tidak mampu membayar sama ada kerana mereka telah lupa membawa dompet ataupun mereka tiba-tiba kehabisan wang.



Kategori pengguna-pengguna jalan-jalan, jambatan atau feri ini tidak mempunyai tingkah-laku yang tidak dikehendaki seperti yang hendak diperbetulkan oleh pindaan-pindaan kepada Akta ini. Namun demikian, mereka juga tertakluk kepada penalti-penalti yang sama keras seperti yang dikenakan ke atas mereka yang dengan sengaja enggan membayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baik sahaja didapati salah kerana tidak membayar tol, pesalah-pesalah akan dikenakan denda tidak kurang daripada RM2,000 tetapi tidak melebihi RM5,000. Denda ini amat besar sekali yang mungkin tidak mampu dibayar oleh sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia. Apabila mereka didapati salah dari kemudian tidak dapat hukuman ini, mereka dikenakan hukuman pemenjaraan. Ini pada hemat saya merupakan satu hukuman yang agak keras ke atas apa yang harus dipandang satu kesalahan sivil dan bukan jenayah.

Berasaskan kepada hujah-hujah saya ini, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya menunjukkan sikap penyayang dan tidak membuat diskriminasi ataupun perbezaan antara mereka yang mahu membayar tetapi mungkin tidak mampu pada masa itu daripada mereka sengaja tidak membayar, semasa menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta ini. Suatu cara harus dicari untuk membuat perbezaan ini. Ini adalah kerana mereka yang mahu membayar tetapi mungkin tidak mampu pada masa itu tidak memiliki niat jahat enggan membayar tol yang mereka harus membayar itu. Penalti-penalti yang terdapat dalam Akta ini harus dikenakan ke atas mereka yang kerap melakukan kesalahan tidak membayar tol.

Tuan Yang di-Pertua, ciri tingkah-laku manusia membayar untuk menggunakan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh jalan-jalan, jambatan-jambatan atau feri-feri memang terdapat hampir semua rakyat Malaysia. Dalam sebuah masyarakat moden yang berlandaskan pertukaran memang adalah penting dan perlu terdapatnya bayaran sebagai tukaran untuk mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan. Tetapi pada masa yang sama, para pengguna harus mendapatkan apa yang mereka telah membayar untuknya. Bayaran untuk kegunaan jalan-jalan, jambatan-jambatan atau feri-feri adalah serupa juga. Apabila pengguna-pengguna jalan-jalan diminta membayar **tol**, mereka sedia merabayar tetapi pada masa yang sama, mereka menjangka mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan jalan-jalan yang bertambah baik. Akan tetapi seringkali pengguna-pengguna jalan terpaksa membayar tol untuk kegunaan jalan pada masa jalan-jalan ini diperbaiki. Dalam masa jalan-jalan diperbaiki atau dilebarkan, banyak masalah seperti kesesakan jalan dijanakan.

Ini bererti para pengguna jalan dipaksa membayar untuk sesuatu yang menyusahkan mereka. Jika mereka mempunyai pilihan, mereka akan secara rasional menggunakan jalan-jalan alternatif, akan tetapi ada kes-kes di mana jalan-jalan alternatif ini tidak sedia ada. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa syarikat-syarikat yang diberikan kontrak untuk mengutip tol diminta menggantung pengutipan tol dalam tempoh jalan-jalan dilebarkan atau diperbaiki dan yang mungkin akan menyusahkan pengguna-pengguna jalan-jalan. Ini adalah bertujuan mengelakkan pengguna-pengguna jalan-jalan daripada membayar untuk sesuatu perkhidmatan yang mereka tidak-mendapatkan.

Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**3.52 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahar serta menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas dan amnya Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi melangkaui beberapa tujuan utama, iaitu:

- (i) seseorang yang menggunakan atau cuba menggunakan jalan, jambatan atau feri tanpa membayar tol adalah dianggap sebagai satu kesalahan.

- (ii) Subseksyen (2) mengadakan peruntukan bahawa orang yang diberi untuk memungut tol boleh mendapatkan tol yang kena dibayar melalui tindakan undang-undang; dan
- (iii) melalui subseksyen (4), subseksyen ini pula mengadakan peruntukan bahawa dalam tiap-tiap kes apabila seseorang itu engkar membayar denda yang dikenakan pesalah itu hendaklah dipenjarakan tidak melebihi satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini, walaupun saya menyokong Rang Undang-undang **ini**, tetapi pada pandangan saya, saya sependapat dengan Dr Toh Kin Woon tadi, iaitu denda ataupun hukuman yang dikenakan adalah agak keterlaluan seolah-olahnya kita menganggap bahawa kesalahan ataupun kelakuan tidak membayar tol itu sebagai satu perbuatan jenayah.

Saya cuma ingin membuat perbandingan-perbandingan, kadang kala mereka yang berhutang dengan bank bermilion-milion sekalipun kalau mereka itu tidak membayar, selebih-lebihnya mereka itu akan dibicarakan, diambil tindakan mahkamah dan seterusnya dibankrapkan, tidak pernah sekalipun mereka ini dikenakan tindakan penjara ataupun sebagainya. Tetapi bagi mereka yang tidak membayar tol, kalau menggunakan tol Lebuhraya Utara-Selatan, kalau menggunakan kereta sendiri selebih-lebihnya pun dalam RM50 atau RM54, tetapi hukuman yang dikenakan adalah terlalu berat iaitu sehinggakan ianya dianggap satu kesalahan jenayah.

Walau bagaimanapun, saya percaya sebelum mereka yang tidak membayar tol ini diambil tindakan penjara tentulah beberapa

kaedah untuk mendapatkan balik wang yang tidak dibayar ini akan dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Saya juga ingin bertanya dengan pihak Kementerian, siapakah yang bersalah, mereka yang tidak membayar tol ataupun apakah tuan punya kenderaan yang memberikan, umpamanya kalau kenderaan saya dipinjam ataupun dipakai oleh orang lain, apakah tuan punya kenderaan juga tidak dianggapkan melakukan satu kesalahan? Kerana kadangkala kemungkinannya kalau orang yang tidak membayar tol selepas sahaja mereka lalu di tollgate, tentulah saya percaya pihak-pihak yang menjalankan pungutan tol ini tidak mempunyai kuat kuasa ataupun peronda-peronda yang boleh mengejar mereka ini dan mendapatkan butir-butir daripada mereka. Jadi, bagaimana caranya pihak Kerajaan untuk mendapatkan butir-butir mengenai orang-orang yang telah pun melakukan kesalahan ini? Apakah tidak mahu diletakkan bahawa tuan-tuan punya kenderaan juga sepatutnya turut sama bertanggungjawab di dalara soal tidak membayar tol ini?

Tuan Yang di-Pertua, soal kedua yang ingin saya tanya ialah mungkin pihak Kementerian mempunyai data-data sejak tol Lebuhraya Utara-Selatan, sejak pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia mengenakan **tol**, berapa ramaikah mereka yang telah engkar membayar tol? Kerana dalam ingatan saya cuma satu sahaja kes iaitu Ketua Pembangkang Tuan Lim Kit Siang yang telah pun enggan membayar tol pada satu ketika dahulu. Apakah kerana seorang manusia yang bernama Lim Kit Siang kita terpaksa menggubal satu undang-undang khas untuk beliau?

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan soal tol ini, saya juga ingin membuat cadangan-cadangan dan juga pandangan-pandangan khasnya kepada mereka yang diberikan konsesi untuk mengutip tol ataupun khasnya kepada pihak PLUS iaitu Projek Lebuhraya Utara-Selatan.

Kita mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada pihak PLUS yang telah pun berjaya membuat satu lebuhraya yang cantik, lebih daripada 900 kilometer daripada utara hingga ke selatan dan ini merupakan satu kejayaan yang patut kita banggakan, dan memang tidak pernah kita termimpi bahawa satu hari, satu lebuhraya yang sebegitu indah telah pun dapat diadakan. Dan kita percaya satu lebuhraya lagi sedang dirancang di antara Kuala Lumpur ke Pantai Timur dan kita berharap penduduk-penduduk di Pantai Timur juga akan diberi keistimewaan dan kemudahan-kemudahan untuk menikmati lebuhraya seperti mereka yang duduk di Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan beberapa cadangan kepada pihak PLUS. Saya percaya rakyat tidaklah membantah sangat soal membayar tol, tetapi apa yang diharapkan oleh pengguna-pengguna jalan raya ialah supaya bayaran yang dikenakan biarlah setimpal dengan perkhidmatan yang didapati.

Saya pernah mencadangkan di Dewan ini supaya pihak PLUS diarahkan untuk memasang lampu jalan di sepanjang lebuhraya. Jawapan yang telah pun saya dapati semasa itu ialah kerana perbelanjaannya adalah terlalu tinggi dan kemungkinannya pihak PLUS tidak berkeupayaan.

Saya tidaklah mencadangkan supaya setiap  $\frac{1}{2}$  kilometer dipasang lampu jalan. Saya cuma ingin mencadangkan setiap 2 kilometer dipasangkan lampu jalan, kerana kadangkala apabila kita memandu di sebelah malam, kerana keadaan negara kita yang panas, ramai orang yang lebih suka untuk memandu di sebelah malam, keadaannya selalu gelap dan juga boleh mendatangkan bahaya kepada pemandu-pemandu.

Dari kajian pihak PLUS yang telah pun dijalankan, saya difahamkan lebih daripada 18% daripada kemalangan-kemalangan yang berlaku adalah disebabkan kerana mengantuk, kemungkinannya kerana jalan yang gelap, pemandu-pemandu mengantuk dan inilah sebabnya berlaku kemalangan-kemalangan. Jadi, untuk mengelakkan keadaan yang 'monotonous', kita berharap pihak PLUS akan diarahkan untuk memasang lampu jalan setiap 2 kilometer.

Saya juga ingin mencadangkan supaya di sepanjang lebuh raya supaya pihak PLUS juga bertanggungjawab membuatkan satu 'land scaping' supaya tidak merasa jemu (monotonous) semasa menggunakan lebuh raya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebab berlakunya kemalangan, telah pun dimaklumkan bahawa ada kawasan-kawasan yang ada angin lintang di lebuh raya PLUS **ini**. Apa yang saya dapati ialah, mungkin di waktu siang kita nampak corong yang menunjukkan hala angin lintang tersebut tetapi kalau di waktu malam oleh kerana tidak ada lampu dipasang di tempat penanda angin lintang **itu**, jadi pemandu-pemandu yang menggunakan jalan raya tidak mengetahui berlakunya angin lintang di sesuatu kawasan itu.

Saya ingin mencadangkan supaya di setiap tempat adanya tanda angin lintang itu dipasangkan lampu-lampu di tempat berkenaan, Begitu dengan tanda-tanda jalan, tanda-tanda simpang, mungkin di waktu siang kita boleh nampak, tetapi kalau kita memandu di waktu malam, jalan-jalan ini agak susah kelihatan. Apakah salahnya pihak PLUS menggunakan tanda-tanda jalan yang dipasangkan lampu, lighted signboard, dengan izin, supaya ianya memudahkan pihak mereka yang selalu menggunakan jalan raya di waktu malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak PLUS diberikan kuasa untuk menubuhkan satu skuad bantuan yang mempunyai kuasa seperti Polis - iaitu Polis Bantuan atau Polis Peronda supaya mereka ini di samping membantu pihak Polis dan Trafik



diberi juga kuasa untuk menahan ataupun untuk menasihati pemandu-pemandu yang menggunakan lebuh raya dengan sesuka hati, supaya mereka ini dapat dinasihatkan.

Satu lagi perkara yang saya ingin cadangkan ialah, pihak Kementerian Penerangan pernah berkata bahawa satu rangkaian "Radio Lebuh Raya" akan diadakan. Kita berharap supaya tugas rangkaian radio ini diberikan kepada pihak PLUS untuk menguruskannya. Apa yang hendak saya terangkan di sini ialah supaya mereka yang menggunakan lebuh raya tahu, umpamanya kalau berlaku kemalangan di sesuatu tempat, information ini dapat diberitahu kepada "Radio Lebuh Raya" dan mereka yang menggunakan "Radio Lebuh Raya" ini boleh mengelakkan dari menggunakan jalan tersebut. Kadangkala itu pengguna-pengguna jalan raya tidak mengetahui apa yang berlaku di hadapan, jadi, tidak dapat hendak mengelakkan. Jikalau mereka itu tahu umpamanya di kilometer 20 berlaku kemalangan, mereka itu boleh menggunakan jalan lain untuk mengelakkan dari terjebak di dalam kesesakan lalu-lintas. Saya berharap penubuhan "Radio Lebuh Raya" ini akan dapat disegerakan.

Begitu juga pihak PLUS diharapkan dapat mengadakan 'Electronic Information Board' seperti di negara-negara maju bagi memudahkan pemandu ini melihat apa-apa keterangan mengenai kemalangan mengenai banjir, mengenai kesesakan jalan raya dan sebagainya. Ini akan memberikan lebih kemudahan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Baru-baru ini telah pun dicadangkan supaya 'speed Limit' di negara kita dinaikkan daripada 110 k.s.j sekarang ini kepada satu perangkaan yang lebih munasabah. Sebenarnya kadangkala apabila

saya memandu di Lebuhraya Utara/Selatan saya cuba membawa dengan 110 k.s.j. Saya rasa kalau saya bawa dengan 110 k.s.j seolah-olah saya berlainan daripada orang lain rasanya. Katakanlah saya sentiasa patuh pada 110 k.s.j, bermakna saya menipu diri sendiri dan di Dewan ini pun saya percaya ramai daripada kita memang lari lebih daripada 110 k.s.j. Saya ingin mencadangkan supaya had laju ini dikaji semula. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kita 'lump'kan semua. Baik kereta yang 1,500 c.c., 1,000 c.c. tetap juga 110 k.s.j. Kereta yang 2,500 c.c. atau 3,000 c.c. seperti yang dipakai oleh Yang Berhormat Menteri kita pun had lajunya 110 k.s.j. juga.

Saya ingin mencadangkan supaya satu kaedah baru bagi kereta-kereta yang di bawah 2,000 c.c. had lajunya mungkin dikenakan pada 110 k.s.j. Tetapi bagi kereta-kereta yang kuasanya lebih daripada 2,000 c.c. had lajunya dinaikkan kepada angka yang lebih munasabah iaitu 140 k.s.j atau 150 k.s.j. Kalau saya bawa kereta sendiri kadang-kadang saya rasa bersalah kalau saya menggunakan lebih daripada 110 k.s.j.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan satu lagi supaya pihak PLUS bukan hanya bertanggungjawab kepada jalan di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan, pihak PLUS juga patut diberikan tanggungjawab mengendalikan ataupun untuk menguruskan jalan-jalan sekurang-kurang 3 kilometer sebelum sampai ke pintu-pintu tol. Apa yang berlaku ialah kadangkala selepas sahaja kita membayar tol jalan itu sudah tidak lagi di bawah kelolaan pihak PLUS, biasanya ia balik kepada satu 'lane' dan akan berlakulah kesesakan.

Baru-baru ini saya sendiri pun terlibat dengan kesesakan di Ayer Keroh, Melaka. Saya dapati, kesesakan ini berlaku oleh kerana sebelum kita masuk ke Ayer Keroh terdapat kereta yang banyak untuk

masuk ke Melaka dan jalan tidaklah seluas seperti yang kita harapkan. Jadi, saya berharap supaya pihak PLUS juga diberikan tanggungjawab untuk memastikan supaya sekurang-kurangnya 3 kilometer selepas atau sebelum sesuatu pintu tol itu diberi tanggungjawab kepada PLUS.

Pernah berlaku kepada diri saya bila saya hendak ke Melaka, saya bertolak dari Kuala Lumpur memakan masa satu jam, untuk menyampaikan kepada tol Ayer Keroh mengambil masa satu jam lagi. Ini berlaku disebabkan berlakunya kesesakan seperti mana yang telah saya katakan tadi. Saya harap pihak Kementerian akan memikirkan supaya pihak PLUS juga akan diberikan tanggungjawab terhadap jalan-jalan yang menghala ke pintu-pintu tol.

Kita memang mengucapkan terima kasih di atas kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh pihak PLUS seperti tempat-tempat perhentian. Apa yang saya harapkan ialah pihak PLUS juga mengadakan tempat-tempat riadah di sepanjang jalan supaya setelah kita memandu tiga atau empat jam, apabila kita berhenti kita boleh buat, dengan izin, 'light exercise'. Mungkin dengan membuat 'stretching' sedikit, selepas itu hilang rasa penat kita memandu di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya sarankan di sini ialah mengenai iklan-iklan di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan. Saya percaya kalau papan-papan iklan yang diadakan di sepanjang Lebuhraya Utara/Selatan ini disematkan juga dengan kata-kata pujangga, kata-kata pemimpin kita yang boleh meninggikan nilai-nilai hidup semai dengan ajaran-ajaran agama. Malah dengan menyematkan kata-kata hikmat daripada pujangga-pujangga atau pemimpin-pemimpin kita, bermakna kita tidak letakkan sahaja iklan itu semata-mata demi keuntungan.

Umpamanya dalam soal Uawasan 2020, kita tuliskan apa wawasan yang pertama, yang kedua, yang ketiga sampai yang kesembilan - supaya dia boleh register dalam kepala anak-anak kita, generasi-generasi yang akan datang supaya sambil dia 'driving', sambil dia memandu kereta, dia boleh ingat tentang perkara-perkara, pesanan-pesanan pucuk pimpinan kita umpamanya dari segi kebcrsihan, dari segi kekeluargaan ataupun sebagainya dipamerkan di papan-papan iklan yang dipasang di merata Lcbuhraya Utara/Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan-pandangan saya dan walaupun saya merayu supaya pihak Kementerian memikirkan soal hukuman-hukuman ini dan walau bagaimanapun saya percaya tentulah ada sebab-sebab tertentu mengapa pihak Kementerian mencadangkan pindaan ini mengenakan hukuman-hukuman yang berat dan saya percaya tentulah ada muslihat-muslihat yang tertentu dan saya percaya ianya akan dilaksanakan dengan penuh berhati-hati, bukannya dengan tujuan untuk menganiayai mana-mana pihak ataupun sebagainya.

Jadi, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**4.11 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun bagi saya menyokong dasar pindaan Rang Undang-undang ini kerana pada hemat saya inilah satu-satunya Akta ke arah persyarikatan Malaysia di mana negara kita telah pun berfikir sebegitu mendalam untuk menyerahkan sesuatu pengurusan kepada syarikat-syarikat tertentu dan saya ingat dengan tindakan yang begitu maka pengurusan resource dan pengurusan segala bentuk Persekutuan atau jalan raya kita akan dilakukan dengan begitu berkesan.

Tuan Yang di-pertua, walau bagaimanapun, saya ingin juga menyuarakan rasa ragu-ragu dan khuatir saya mengenai Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, seperti dua rakan saya yang awal-awal tadi, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, saya rasa denda di antara RM2,000 sehingga RM5,000 itu adalah terlalu tinggi, kerana kita sedia maklum, tol-tol yang dibayar, yang menggunakan jalan raya yang memerlukan bayaran tol ini bukanlah sebegitu banyak. Walau bagaimanapun, saya sendiri tidak pernah bayar tol oleh kerana tidak ada peluang untuk menggunakan jalan raya yang menggunakan tol di sini, tetapi dalam pengetahuan saya tidaklah begitu banyak. Oleh yang demikian, kalaulah kita mendendakan seseorang yang tidak membayar tol apabila telah menggunakan ataupun

cuba menggunakan jalan raya yang memerlukan bayaran tol itu sehingga RM2,000 **ini**, saya rasa ini adalah terlalu tinggi. Bagi saya mungkin RM200 atau dalam ratusan ringgit itu adalah wajar, oleh kerana kita manusia biasa atau kalau didenda dengan rekodnya yang ada itu kita sendiri tidak mahu perkara itu berlaku. Lebih-lebih lagi kita didenda dan seterusnya kalau tidak boleh membayar RM2,000 sehingga RM5,000 itu pada masa berkenaan, kita diperlukan membayar dan kita dipenjarakan pula, maka ini sesuatu yang biasanya kita cuba elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan rasa khuatir saya oleh kerana dua perkara juga. Yang pertamanya, kalau adalah undang-undang yang seperti ini dan akan dikuatkuasakan nanti, saya rasa perkara yang begini akan menjadi satu dasar bagi syarikat-syarikat yang menguruskan sesuatu jalan raya itu menjadi dasar bagi mereka untuk meninggikan tol lagi, yang mana mereka mempunyai kekuatan dari segi undang-undang untuk meninggikan tol supaya semua orang yang menggunakan tempat itu tidak boleh tidak tetapi mesti membayar tol juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, dalam pengetahuan saya di Sarawak, walaupun kita tidak membayar tol untuk jalan-jalan yang ada di situ, tetapi kita ada juga membayar untuk menggunakan feri. Setahu saya dan sejauh mana yang saya telah dapati dari orang-orang yang menggunakan feri di situ, tidak ada yang tidak pernah membayar walaupun kadangkala ada orang yang tidak membawa dompet ataupun

tidak ada wang yang mencukupi pada masa itu mereka berusaha juga untuk meminjam wang dari sesiapa yang boleh mereka pinjam 50 sen, RM1, RM5 yang ada pada masa itu, dan mereka juga berusaha meninggalkan kad pengenalan mereka untuk menunjukkan mereka jujur bahawa mereka tidak membayar tol pada masa itu oleh kerana benar-benar tidak membawa wang.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya ingin menyuarakan kekhawatiran saya kerana ini dalam keadaan di Sarawak, di mana jalan-jalan yang dibina oleh 'timber tycoon', dengan izin, pergi ke tempat-tempat pedalaraan di Sarawak. Walaupun ini mungkin tidak ada kaitan secara langsung dalam Rang Undang-undang ini tetapi saya ingin juga menyampaikan keraguan saya kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana beliau juga dari Sarawak, saya tahu beliau memahami perkara ini dengan lebih mendalam lagi dari apa yang saya boleh kemukakan.

Sekiranya kita ada undang-undang ini dan kita luluskan undang-undang ini, 'timber road' yang telah dibina oleh syarikat-syarikat di Sarawak dan juga di Sabah yang biasanya digunakan oleh ramai orang di pedalaman, orang di kampung-kampung maka mungkin dengan adanya undang-undang ini di belakang mereka, mereka mungkin menggunakan kekerasan supaya mereka iaitu orang-orang kampung yang sehingga kini menggunakan 'timber road' walaupun tidak begitu baik, tetapi cukup juga untuk orang-orang kampung pergi ke hulu ke hilir di tempat-tempat pedalaman, maka mungkin syarikat-syarikat yang

yang membina jalan raya itu akan melarang langsung orang-orang kampung di pedalaman Sarawak dari menggunakan jalan-jalan **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara yang begitu akan menghampakan orang-orang kampung untuk menggunakan 'timber road' tadi. Seperti Yang Berhormat Datuk Leo Moggie sedia maklum di Sarawak, di tempat-tempat pedalaman, kita hanya boleh pergi ke tempat-tempat yang jauh sehingga kini dengan menggunakan sungai sahaja selain daripada berjalan dengan "bas No. 11" iaitu berjalan.

Jadi, dalam dua puluh tahun yang akhir ini kita telah ada banyak jalan yang telah dibina oleh syarikat-syarikat yang membalak di situ dan selain daripada mereka sendiri menggunakan jalan yang dibina oleh mereka **itu**, orang kampung juga menikmati atau telah menggunakan jalan itu dengan kebenaran daripada syarikat itu sendiri. Ada juga pihak syarikat yang meminta orang yang menggunakan itu mendaftar dengan mereka dan juga membayar sedikit tol sebagai 'token'.

Jadi, kalau ada keadaan yang begitu di tempat pedalaman di Sarawak dan sekiranya tol dibayar dengan begitu tinggi dendanya di tempat yang lebih maju seperti di Semenanjung Malaysia **ini**, ada kemungkinannya orang-orang yang mempunyai jalan raya 'timber road' tadi mungkin melarang orang-orang kampung sekali gus tidak menggunakan jalan mereka.



Dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan kekhuatiran saya mengenai tujuan Rang Undang-undang ini, walaupun pada dasarnya saya menyokong juga bahawa seharusnya ada juga Rang Undang-undang yang menghindar sesiapa yang cuba ataupun telah menggunakan sesuatu tempat jalan raya atau feri tetapi tidak membayar tol. Tetapi saya minta dan menyeru pihak Kerajaan dan Kementerian supaya memikir baik-baik sama ada had denda yang dinyatakan di sini sesuai, sewajarnya ataupun tidak.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan pada dasarnya saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Salleh.

#### **4.21 ptg.**

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang pindaan yang telah dibentangkan ini. Apabila kita melihat dan menghayati di atas pindaan ini, maka bermunasabah sekiranya kedapatan rakyat menyuarakan bahawa suatu pindaan yang dipengaruhi oleh pihak yang berkenaan. Ini disebabkan bahawa denda yang dikenakan terlalu mahal dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Saya seorang insan yang sentiasa lupa, saya pernah terlupa membawa wang dan terpaksa berhutang dengan petugas tol itu sendiri. Ini nasib baik hubungan peribadinya ada. Tetapi sekiranya saya terkena di Johor dan lain-lain negeri, jawabnya saya juga akan disaman, sedangkan bayaran tidak berapa sen, tetapi denda yang dikenakan amat mendebarkan pengguna, hatta termasuk saya sendiri.

Sebelum Akta ini dikuatkuasakan, saya harap berhampiran dengan rumah tol ini diadakan kawasan 'U turn'. Ini untuk manusia seperti saya yang pelupa, mungkin ketinggalan duit, bila sampai dekat tol saya pusing balik, mencari sahabat ataupun rakan saya untuk berhutang wang dan membayar **tol**, itu satu cara. Ini bukan satu pandangan berseloroh, akan tetapi pandangan yang praktikal yang pernah dialami oleh saya sendiri, suatu perkara yang harus difikirkan.

Satu lagi, kita boleh melihat bahawa syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan laluan-laluan yang kena bayar tol ini memilih laluan-laluan yang menguntungkan. Apabila dicadangkan laluan yang kurang menguntungkan, mereka ini tidak berminat. Seperti contohnya, laluan-laluan di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan - 480 km. saya telah memandu paling cepat 8 jam. Ini merugikan masa. Kita juga mestilah mensyaratkan mana-mana syarikat swasta yang ingin mengendalikan laluan-laluan ini juga disyaratkan mengendalikan laluan-laluan yang kurang menguntungkan supaya ianya dapat diimbangkan. Saya amat menyokong apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, denda yang dikenakan amat mahal sekali dan menyukarkan para pengguna. Apabila mahal, mungkin juga pengguna-pengguna akan menggunakan laluan lain untuk mengelakkan kesilapan yang mungkin berlaku pada mereka.

Saya rasa pihak Kementerian hendaklah memikirkan seelok-eloknya bagaimanakah langkah yang sebaik mungkin yang dapat diambil untuk meringankan beban pengguna dan juga meringankan beban pihak syarikat yang mengendalikan laluan-laluan yang tertentu, kerana dengan cara ini kedua-duanya akan mendapat kemanfaatan di atas apa yang mereka

memperolehi. Saya harap, pihak Kementerian dapat mengkaji balik supaya ianya dapat dilaksanakan supaya kedua-dua pihak mendapat keadilan yang saksama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri diminta menjawab.

**4.26 ptg.**

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan dan menyuarakan perkara-perkara yang difikirkan oleh mereka memberi kebimbangan kepada masing-masing yang telah berucap sebentar tadi.

Bagi pandangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba yang menyabitkan kesesuaian lebuhraya yang diuruskan oleh PLUS, saya percaya perkara ini akan diteliti oleh pihak PLUS sendiri selepas kita memanjangkan salinan **Hansard** yang akan dicatatkan atas perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara-perkara yang telah disentuh, pertamanya bagi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ding Seling yang menyabitkan jalan-jalan yang dibina oleh syarikat-syarikat pembalakan di negeri Sarawak dan sebagainya. Sebenarnya Akta ini tidaklah melibatkan jalan-jalan tersebut. Ianya cuma melibatkan jalan-jalan yang diswastakan dan yang digazet sebagai suatu jalan Persekutuan. Bagi jalan-jalan yang diuruskan oleh syarikat-syarikat pembalakan, ia sebenarnya memanglah jalan-jalan persendirian. Jadi, tidaklah terlibat, tidak dirangkumi oleh undang-undang yang kita bahaskan ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi ialah mengandungi dua soalan sahaja. Soalan pertama ialah penalti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini difikirkan oleh mereka terlampau berat dan terlampau tidak setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk menerangkan latar belakang sedikit. Sebenarnya polisi penswastan ialah suatu polisi yang diamalkan oleh negara kita **ini**. Ia akan diteruskan kerana ini telah berjaya untuk membantu negara kita ini mencapai tahap pembangunan yang amat menggalakkan sekali. Dan sudah difikirkan juga oleh sebab kita telah menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan, misalnya. Kita dapat berjaya membina suatu lebuhraya yang panjangnya 830 km., lebih 15 bulan awal dari jadual asalnya. Sekiranya diurus dan dibina oleh Kerajaan sendiri, tidak mungkin kita mencapai pelaksanaan serupa **itu**, dan ini telah membantu perkembangan dan membantu keselesaan pengguna-pengguna lebuhraya. Soalannya ialah apakah sekiranya ada timbul orang yang sengaja tidak mahu membayar tol apabila melepasi pintu tol dan lebuhraya tersebut atau lebuhraya-lebuhraya lain.

Sudah tentu mereka yang lupa membawa dompet, mungkin kerana kecemasan dan hendak mempercepatkan perjalanan mereka untuk membawa pesakit-pesakit ke hospital misalannya sudah tentu kemungkinan mereka kena dakwa tidak timbul, kerana terpujang kepada pendakwa-raya-pendakwaraya atau public prosecutors untuk menentukan patut atau tidak orang sedemikian dibawa ke mahkamah atau didakwa. Kerajaan berpendapat bahawa budibicara pihak pendakwaraya akan digunakan dan tidak mungkin pendakwaraya akan membenarkan dakwaan-dakwaan dikenakan kepada mereka itu. Jadi, soalan itu juga sebenarnya tidak timbul. Kita hendak menentukan apakah tindakan yang boleh diambil bagi mereka yang sengaja enggan membayar tol.

Ada Ahli Yang Berbormat tadi bertanya ada berapa orangkah di dalam rekod kita yang telah berbuat demikian? Dalam tahun 1993, angka tidak kurang dari 23,000 kenderaan yang menggunakan lebuh raya enggan membayar tol dan sudah tentu kita khuatir, jika perkara ini dibiarkan berterusan berlaku di dalam keadaan undang-undang sekarang, pengguna tahu ianya tidak dianggap sebagai kesalahan jenayah tetapi sebagai 'civil case'. Tidak mungkin syarikat-syarikat yang menguruskan lebuh raya ini membawa perkara ini ke mahkamah untuk mengutip tol 50sen, RM1 atau RM10 dan yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk mereka. Tetapi kalau ianya didakwa sebagai suatu kesalahan jenayah, ianya secara jelas bahawa Kerajaan memberi sokongan kepada syarikat-syarikat yang bersedia mengambil risiko untuk membangunkan lebuh-lebuh raya negara ini yang

memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi dan amat besar bahawa mereka adalah diberi keyakinan, Kerajaan akan melindungi kedudukan mereka secara undang-undang. Itu sebab kita mengadakan perlindungan undang-undang dan memberi kesalahan serupa ini sebagai kesalahan jenayah.

Kerajaan berpendapat bahawa kedudukan itu bukan sebab ia enggan membayar tol ~~50sen~~, RM1 atau RM10. Soalan itu tidak timbul. Soalan yang timbul ialah kelakuan seseorang itu enggan membayar **tol**. Itu yang dianggap sebagai satu kesalahan yang amat berat dan serius dan Kerajaan menetapkan secara terang dan transparent bahawa kesalahan itu serius dan dendanya tidak kurang dari RM2,000 dan tidak lebih dari RM5,000. Umum mengetahui bahawa kesalahan itu ialah satu kesalahan yang dianggap oleh Kerajaan terlalu serius. Kalau tidak, kita khuatir mungkin ada orang yang sengaja, yang kita pun sudah lihat enggan membayar tol membuat iklan dalam akhbar-akhbar mengatakan mereka sepatutnya tidak membayar tol beberapa ketika dahulu. Kalau ini berlarutan dan berpanjangan serta merebak dari satu tempat ke satu tempat yang lain, ianya akan menjejaskan polisi penswastaaan dalam infrastruktur.

Oleh sebab itu, Kerajaan fikir bagus kita terangkan sekali, kita 'transparent'kan biar umum tahu kesalahan serupa itu dianggap sebagai, dengan izin, may be among towards sabotage on our economic policy. Itu sebab kita mengadakan peruntukan yang difikirkan kalau kita melihat sekian rupa sahaja, mungkin difikirkan amat tidak

setimpal dengan apakah membayar tol 50sen, RM1 kena hukum RM2,000. Rasionalnya ia dianggap sebagai satu tindakan yang akan menjejaskan pelaksanaan privatisation di negara kita ini. Itu perkara pertama yang saya fikir perlu saya perjelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berhenti sebentar ya. Menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya, dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, Rang Undang-undang ini digubal untuk memenuhi suatu obligasi Kerajaan untuk tujuan memberi keyakinan kepada syarikat-syarikat swasta untuk mereka memahami bahawa Kerajaan memang di belakang mendukung dari segi pelaksanaan polisi penswastan kita.

Yang kedua, sekiranya kita meninggalkan perkara ini sebagai suatu 'civil case' sahaja, ianya mungkin diambil peluang oleh mereka yang sengaja berbuat demikian, menyusahkan pelaksanaan polisi ini juga.

Perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, saya fikir boleh digabung juga dari segi soalan penalti yang difikirkan tidak munasabah dan sebagainya; dan kedua, ianya sebab mengapa kita menggunakan undang-undang jenayah bagi suatu kesalahan

yang dianggap sivil. Saya fikir saya sudah buat keterangan mengenai kedua-dua soalan ini tadi. Bagi mengulanginya sekali lagi, yang pertama ianya dianggap sebagai suatu 'criminal offence' kerana kalau kita membiarkannya sebagai satu "civil offence" semata-mata, ianya akan diambil peluang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menjejaskan pelaksanaan polisi penswastaan.

Yang keduanya, dari segi serius atau tidak serius, Kerajaan berpendapat ianya mesti dianggap sebagai suatu kesalahan yang serius. Kita tidak menimbulkan perkataan 'amount of toll' yang perlu dibayar. Kita melihatnya dari segi tingkah laku orang yang sengaja enggan membayar tol. Itu disebabkan kesalahan yang berat.

Yang ketiganya, bagi mereka yang bukan enggan membayar tol tetapi dari kedudukan mungkin tidak membawa duit, mungkin oleh kerana terlalu hendak cepat kerana kecemasan dan sebagainya, ianya terpulang kepada pihak pendakwaraya untuk menentukan adakah keadaan serupa itu patut didakwa atau tidak.

Saya fikir pihak pendakwaraya di negara kita ini mempunyai satu perasaan kemanusiaan dan saya tidak fikir pihak public prosecutor hendak membawa perkara ini ke mahkamah sekiranya betul-betul atas sebab-sebab yang munasabah tidak boleh membayar tol pada ketika itu. Bagi mereka yang sengaja engkar, ini tujuan kita dan secara terang kita berbuat demikian oleh kerana di negara kita ini, sebenarnya taraf tol yang dikenakan ialah suatu taraf yang



munasabah. Kalaulah kita membiarkan pihak syarikat meninggikan tol dan sebagainya sesuka hati mereka, ini akan memberikan kesan yang buruk sekali.

Oleh itu, tiap-tiap taraf tol yang dikenakan di negara ini memerlukan keputusan dan kelulusan pihak Kerajaan terdahulu sebelum ianya boleh digunakan dan Kerajaan senantiasa memikirkan manakah taraf yang munasabah yang boleh diterima, yang tidak akan membebankan sangat pengguna-pengguna lebuhraya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dengan penjelasan serupa itu, saya berharaplah kekhuatiran yang disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi, mungkin dapat diketepikan dan mereka semua menyokong apabila kita mengundi Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PADI DAN BERAS 1994****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.41 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994 diadakan ekoran daripada keputusan Kerajaan untuk memperbadankan Lembaga Padi dan Beras Negara mulai 1hb Julai 1994. Rang Undang-undang ini diadakan bagi tujuan untuk mengawal industri padi dan beras negara sebagai ganti kepada Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 yang akan dimansuhkan.

Dasar penswastaaan yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 1983 adalah merupakan satu pendekatan baru dalam Dasar Pembangunan Negara. Selaras dengan dasar ini LPN telah dikenal pasti oleh Kerajaan sejak awal tahun 1990 sebagai salah satu agensi yang sesuai untuk diperbadankan. Kerajaan telah membuat keputusan muktamad pada 11hb Disember 1993 untuk memperbadankan LPN mulai 1hb Julai 1994. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan industri padi dan beras negara diuruskan dengan baik, sempurna dan cekap berikutan dari perbadanan LPN. Tujuan LPN diperbadankan adalah seperti berikut:-

- (i) untuk menambah kecekapan pengurusan padi dan beras negara untuk kepentingan pengeluaran dan pengguna;

- (ii) untuk memastikan pengawasan dan pengawalan dalam urusan pembelian, pemasaran, pengilangan, penyimpanan, harga, stok dan kualiti padi dan beras dilaksanakan dengan cara yang terbaik dan menguntungkan; dan
- (iii) untuk mengurangkan beban Kerajaan dalam belanja mengurus LPN sebanyak RM20 juta setahun.

Pada masa ini LPN menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:-

- (i) aktiviti-aktiviti komersil yang meliputi operasi pembelian dan pemerosesan padi dan pemasaran beras;
- (ii) menguruskan stokpile dan pengimportan beras untuk menjaga keselamatan makanan negara;
- (iii) aktiviti-aktiviti sosial yang merangkumi pelaksanaan harga tawaran padi, harga kawalan beras dan subsidi. harga padi; dan
- (iv) aktiviti-aktiviti kawal selia yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta LPN dan peraturan-peraturannya. Pengeluaran lesen membeli padi, lesen mengilang, lesen beras borong dan lesen runcit, pengeluaran permit eksport/import, hasil sampingan dan pengeluaran permit pergerakan padi/beras antara negeri-negeri adalah juga tergolong di bawah aktiviti kawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb Julai 1994, LPN akan dimansuhkan dan digantikan dengan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad. Dengan pemansuhan LPN, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh LPN sekarang akan diambil alih oleh syarikat pengganti tersebut dan oleh sebuah Jabatan Kawalselia.

Bagi tujuan ini, fungsi LPN, yang ada sekarang telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu:-

- (i) pengawalan industri padi dan beras; dan
- (ii) pembelian dan pemasaran padi dan beras termasuk pengurusan stokpile dan urusan subsidi harga padi.

Untuk memastikan industri padi dan beras negara dikawal, bergerak dan membangun dengan teratur serta menjaga kepentingan petani dan pengguna, maka tugas mengawal akan dipertanggungjawabkan kepada satu bahagian baru iaitu Bahagian Industri Padi Beras di bawah pengawasan Kementerian Pertanian. Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini maka adalah perlu Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994 yang dibentangkan ini diluluskan oleh Parlimen.

Di bawah Perkara 3(1) Rang Undang-undang berkenaan, Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah yang akan bertanggungjawab ke atas pengawalan padi dan beras negara. Mengikut Perkara 4(1) dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, fungsi Ketua Pengarah adalah seperti berikut:-

- (a) menyimpan dan menyelenggara suatu bekalan padi dan beras yang mencukupi;
- (b) memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani;
- (c) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;
- (d) memastikan bekalan beras yang mencukupi bagi memenuhi segala kecemasan; dan
- (e) membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi yang dimaksudkan untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, dan, jika diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaras dan membantu pelaksanaannya.

Perkara 4(2) dalam Rang Undang-undang ini menerangkan bahawa di antara tugas atau kuasa Ketua Pengarah Bahagian Industri Padi Beras adalah:-

- (i) melaksanakan harga miniraum yang terjamin bagi padi;
- (ii) menguatkuasakan pengekal harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;
- (iii) menetapkan harga maksimum atau minimum bagi padi dan beras;
- (iv) menyelenggara atau mengkehendaki mana-mana orang menyelenggara simpanan-cadang padi atau beras bagi maksud strategi dan penstabilan harga;
- (v) mengawal selia dan mengawal pembayaran subsidi kepada penanam-penanam padi;
- (vi) mengawal selia pemasaran padi dan beras khususnya melalui pelesenan, penjualan borong, penjualan runcit, pengilangan beras, pengimport dan pengeksport;
- (vii) mengawal selia dan mengawal amaun padi atau beras yang boleh disimpan atau dimiliki oleh mana-mana orang;
- (viii) mengenakan pencatuan mengenai padi atau beras dan untuk mengawal selia dan mengawal pencatuannya untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran semua atau mana-mana orang bagi maksud pencatuan itu dan bagi mengeluarkan kad-kad catuan atau dokumen catuan lain dan melantik pembanci-pembanci bagi membanci orang awam atau mana-mana kumpulan bagi maksud pencatuan;
- (ix) menjalankan tinjauan dan penyiasatan berkenaan dengan perusahaan padi dan beras;
- (x) mengawal selia penghasilan padi; dan

(xi) melarang, mengawal selia atau mengawal permintaan padi dan beras.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata bahawa Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994 memberikan kuasa yang tepat dan jelas kepada Kerajaan, khususnya untuk mengawal segala aspek berkaitan dengan padi dan beras negara. Dalam hal **ini**, kepentingan semua golongan iaitu petani, pengilang, pemborong, peruncit, pengguna dan Kerajaan adalah terjamin. Dengan adanya satu bahagian khusus di Kementerian Pertanian yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus pengawalan industri padi dan beras adalah diharapkan masalah-masalah dan isu-isu yang sering dihadapi oleh petani, pengilang dan pengguna akan dapat diatasi atau diselesaikan dengan lebih baik dan sempurna.

Bahagian III Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994 menyatakan tentang kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang dilantik untuk melaksanakan tugas di bawah undang-undang **ini**.

Bahagian IV kepada Rang Undang-undang ini menyatakan tentang kesalahan, penalti dan prosiding kepada kesalahan-kesalahan tersebut.

Perkara 29 dalam Bahagian V kepada Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan perlu yang berkaitan dengan urusan industri padi dan beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, selepas LPN diperbadankan, dasar-dasar Kerajaan sekarang yang berkaitan dengan industri padi dan beras akan diteruskan. Salah satu daripadanya ialah pemberian subsidi harga padi kepada petani-petani. Subsidi harga padi merupakan sumbangan Kerajaan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani-petani dan adalah tambahan kepada harga padi minimum yang ditawarkan kepada mereka. Kerajaan telah membuat keputusan pada 30hb Mac, 1994 untuk meneruskan pemberian subsidi tersebut selepas LPN diperbadankan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM21 juta setahun iaitu kos pengurusan subsidi harga padi berkenaan kerana kos ini akan ditanggung oleh syarikat Padi Beras Nasional Berhad sendiri. Kerajaan dalam kajiannya untuk memperbadankan LPN telah mengambil kira kepentingan semua pihak dan telah memilih cara yang terbaik untuk memelihara dan membangunkan industri padi dan beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan dalam undang-undang yang berhubung dengan padi dan beras dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya. Sila, Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

#### **4.53 ptg.**

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994. Rang Undang-undang ini adalah penting memandangkan nasi adalah makanan utama rakyat Malaysia. Jika harga padi dan beras tidak dikawal, ia akan menjejaskah petani-petani serta pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan padi dan beras adalah penting, terutamanya semasa kecemasan. Kita dapat lihat di merata tempat, di dunia yang menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan serta kebuluran. Kita tidak mahu nasib malang sebegitu menimpa rakyat negara kita. Oleh yang deraikian, Badan Kawalan Padi dan Beras adalah penting untuk memastikan bekalan beras yang mencukupi bagi keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara maju, satu sistem "scockpile", dengan izin, diamalkan bagi kegunaan semasa kecemasan. Jika saya tidak salah sangka, saya rasa sistem seperti ini boleh juga dilaksanakan di negara ini.



Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa Badan Kawalan Padi dan Beras akan memastikan bahawa tidak wujud sistem orang tengah yang mengaut keuntungan para petani mahupun pengguna. Peranan orang tengah ini dalam urusan jual-beli padi dan beras mestilah dihapuskan..

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran padi di negara ini semakin kekurangan memandangkan ramai belia berhijrah ke bandar-bandar mencari pekerjaan yang lebih lumayan. Selain daripada itu, penggunaan tanah juga lebih diberi keutamaan bagi kegiatan dan untuk projek lain seperti bagi pembinaan, perumahan dan kawasan perindustrian. Keadaan seperti ini akan membawa kesan negatif pada masa jangka panjang. Jika situasi ini berterusan, lama kelamaan, kita terpaksa mengharap bekalan beras daripada negara lain untuk memenuhi keperluan tempatan. Saya harap, selain daripada Kementerian Pertanian, Badan Kawalan Padi dan Beras juga akan memajukan kawasan penanaman padi yang baru dan memberi galakan dan subsidi kepada petani-petani bagi kepentingan dan masa depan negara.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sila, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

**4.58 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil berat berkenaan dengan soal beras dan padi ini yang sudah tentu ia memerlukan Lembaga Padi Beras Negara ini diperbadankan. Yang pertamanya, saya fikir bukanlah sangat untuk menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM21 juta tetapi lebih daripada itu ialah kerana beras merupakan, dengan izin, "staple diet" seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Maka oleh kerana itu untuk menjaga kepentingan masyarakat Malaysia bersama, maka badan yang dicadangkan ini adalah satu usaha yang baik dan harus diberi sokongan kepada usaha Kerajaan ini.

Saya tidaklah hendak bercakap banyak. Cuma untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia dalam usaha untuk mengawal harga beras khususnya, saya ingin bertanya kepada Kerajaan, apakah kita selama hari ini yang saya difahamkan ada perjanjian membeli beras daripada hanya sebuah negara iaitu di Thailand?

Jadi apakah Kerajaan juga memandangkan iaitu bahawa ada negara-negara baru yang sudah pun tidak 'ala fahaman komunis' lagi seperti di China dan di Vietnam, yang sekarang ini sudah begitu giat untuk mengambil bahagian di dalam penyertaan ekonomi dunia, di mana ada di antaranya pengeluaran negara mereka ialah padi dan beras.

Jadi, soalan saya ialah apakah dengan adanya negara-negara seperti ini yang sudah menjalankan penanaman padi secara meluas dan sekarang ini melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa, apakah kita sudah mempunyai perancangan iaitu bahawa kita membeli beras ini bukan sahaja dari Thailand, tetapi juga daripada negara Vietnam dan dari negara China?

Saya bercakap mengenai perkara ini kerana kebimbangan saya, iaitu bahawa kalau kita hanya memusatkan perhatian kita membeli beras dari sebuah negara, kita faham iaitu sesebuah negara itu kalau ia merupakan pengeluar 'monopoli' beras kepada sebuah negara yang lain, maka dia mempunyai apa yang dikatakan 'cartel' pengeluar beras dan dengan kerjasama di antara 'cartel' ini, dia boleh corner the market, dengan izin dan harga beras itu akan naik. Oleh kerana kita banyak bergantung kepada pembekalan padi daripada

negara luar, iaitu kita import beras, saya rasa kalau pemusatan kita membeli beras daripada sebuah negara sahaja, ini tidak akan menguntungkan negara kita.

Sebab itu saya ingin mencadangkan kalau masih belum, tetapi kalau sudah dibuat saya ucap tahniahlah, iaitu kita jangan hanya membeli beras dari sebuah negara sahaja iaitu Thailand, tetapi kita harus juga membahagi-bahagikan pembelian beras ini kepada negara-negara lain. Kita imbangkan di antara Thailand, China dan juga Vietnam supaya source ataupun sumber beras kita ini akan lebih varied, lebih banyak dan kita akan dapat apa yang dikatakan harga yang terbaik, kalau kita membeli dari banyak negara pengeluar padi yang lain selain daripada sebuah negara seperti Thailand sahaja.

Saya bimbang dan takut kerana baru-baru ini kita dengar iaitu sama ada benar ataupun tidak di Thailand katanya, dengan izin, 'harvest' tahun lepas tidak bagus dan ini menyebabkan beras ini kurang dan dengan itu harganya akan naik dan kita terpaksa membeli beras daripada mereka dengan harga yang tinggi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan iaitu sebagai galakan selain daripada kita memberi subsidi kepada petani-petani untuk menggalakkan mereka menanam padi, apakah tidak ada cara-cara lain, yang mana boleh kita menggalak orang-orang kita untuk menanam padi dengan cara yang lebih ekonomik? Saya rasa walaupun kita boleh membeli beras daripada negara-negara luar, tetapi pergantungan pembekalan beras kepada negara luar

sahaja, adalah satu dasar yang tidak bijak dan wajar kerana ada ketika nanti kalau sesuatu yang berlaku di luar dugaan kita, maka apa yang akan berlaku ialah akan berlaku kekurangan beras. Dan kalau ada berlaku kekurangan beras, maka kita terpaksa membeli daripada luar dengan harga yang lebih tinggi. Tidakkah Kerajaan mempunyai sasaran atau target iaitu kita harus menjadi sebuah negara yang orang kata bukan 100% - maknanya kita tidak memerlukan beras daripada luar 100%, tidakkah kita ada target sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan negara itu harus dibekalkan oleh pengeluar padi dalam negara?

Soalan saya ialah apakah sasaran kita, sama ada untuk menjadikan peratusan itu 50%, 60% ataupun 70% keperluan negara kita itu mesti dibekalkan oleh pengeluaran dalam negara kita? Kalau peratusannya itu tinggi, maknanya kita hanya memerlukan 30% sahaja keperluan import beras daripada luar, saya rasa itu baguslah. Tetapi kalau kurang daripada 50%, saya rasa kita harus melakukan sesuatu untuk memastikan supaya kita tidak 'dependence', dengan izin bekalan dari luar. Dan kalau kita tidak mahu 'dependence' kepada bekalan luar selain daripada memberikan subsidi kepada petani-petani, apakah bentuk-bentuk galakan yang lain yang kita berikan kepada petani supaya mereka menanam dengan lebih banyak lagi padi dalam negara kita? Jadi ini adalah perkara yang saya bangkit, kerana kita sama-sama prihatin betapa pentingnya beras dan padi ini kepada masyarakat negara kita.

Jadi, dengan itu sekali lagi saya menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sekiranya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

#### **5.18 ptg.**

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras 1994.

Kita semua sedia maklum bahawa beras adalah makanan utama rakyat Malaysia. Oleh kerana ia merupakan makanan yang utama, maka apabila kita perbadankan LPN, soal tentang kawalan padi dan beras ini masih lagi diletak di bawah Kementerian Pertanian. Pihak Kerajaan telah menubuhkan satu badan khusus yang kita namakan Bahagian Padi dan Beras Negara yang diletakkan di bawah Kementerian Pertanian.

Ahli-ahli Yang Berhormat tidak harus bimbang walaupun LPN diperbadankan, masalah ataupun nasib golongan petani akan terus dibela.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan kita berhubung dengan pengeluaran padi ialah 65% berasaskan sara diri. Ini bererti lagi 35% kita perlu mengimport dari negara-negara yang mengeluarkan padi, yang mengeluarkan beras. Kalau sekiranya kita ingin mengeluarkan ataupun dasar kita, kita ingin ubah untuk mengeluarkan beras secukupnya iaitu ketahap 100% sara diri pun kita mempunyai kemampuan, sebab kawasan-kawasan jelapang padi yang ada dalam negara kita ini boleh mengeluarkan padi secukupnya. Akan tetapi kos mengimport adalah lebih murah daripada kita mengeluarkannya sendiri. Justeru itu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengimport sebanyak 35% dan baki 65% akan dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan soal kebimbangan sekiranya kita bergantung bekalan beras import kita kepada sebuah negara sahaja. Kita akui, memang ada bahayanya sekiranya kita terlalu bergantung kepada satu sumber bekalan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah mengimport beras kita daripada banyak negara. Selain dari negeri Thailand, Kerajaan juga telah mengimport beras dari Vietnam, Republic Rakyat China, Pakistan, India dan juga dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sedar jikalau terjadi apa-apa hal kepada negara kita seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin orang tidak mahu jual beras kepada kita, dan ini akan menjadi satu masalah kepada negara. Dengan izin, "we don't want to put all eggs into one basket". Jadi, kita telah mengadakan pembelian daripada banyak negara. Oleh kerana kita mempunyai sumber pembelian daripada banyak negara, maka kita boleh perbandingkan dari segi harga di antara pembekal-pembekal tradisional kita dan mereka terpaksa bersaing untuk menawarkan harga kepada negara kita. Jadi, pihak LPN setakat ini dapat menjimatkan perbelanjaan oleh kerana kita mempunyai tawaran daripada banyak negeri seperti mana yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan Kerajaan berkeyakinan dengan diperbadankan LPN pada lhb



Julai, 1994 ini, pihak-pihak yang terlibat, iaitu pihak petani, pihak pengilang dan semua pihak yang melibatkan diri dalam industri Padi dan Beras Negara akan mendapat lebih banyak manfaat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA  
(SYARIKAT PENGGANTI) 1994**

**Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga**

**5.14 ptg.**

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994 diadakan bagi membolehkan sebuah syarikat pengganti ditubuhkan untuk melaksanakan tugas berkaitan dengan pembelian dan pemasaran padi dan beras termasuk stokpile dan subsidi harga padi. Seperti mana dalam ucapan saya semasa membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Harga Padi dan Beras 1994, telah dinyatakan bahawa LPN akan dibubarkan mengikut Perkara 32(1) dalam Rang Undang-undang berkenaan. Sebagai gantinya, fungsi LPN sekarang akan dipecahkan kepada dua iaitu:

- (a) mengawal padi dan beras ;
- (b) pembelian dan pemasaran padi dan beras termasuk stokpile dan subsidi.

Tugas mengawal padi dan beras akan dilaksanakan oleh Bahagian Kawalselia Kementerian Pertanian, sementara fungsi kedua pula akan dilaksanakan oleh syarikat pengganti yang didaftarkan atas nama Syarikat Padi Beras Nasional Bhd. atau nama singkatnya BERNAS di mana sahamnya dimiliki 100% oleh Kerajaan (Kementerian Kewangan).

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994 diadakan ialah:

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak dan **liabiliti** Lembaga Padi dan Beras Negara kepada suatu syarikat pengganti;
- (b) untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat **itu**; dan
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Di bawah Perkara 3(1) Rang Undang-undang ini menyatakan kuasa Menteri untuk meletakkan segala hak, harta atau **liabiliti** LPN kepada syarikat pengganti apabila perbadanan LPN dimulakan pada 1hb Julai, 1994.

Walau bagaimanapun, sukacita dijelaskan bahawa hak-hak syarikat pengganti berkenaan adalah tidak termasuk perkara-perkara seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2 Rang Undang-undang **ini**, iaitu:

- (a) hak Kerajaan untuk mengawal selia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan padi dan beras;
- (b) hak eksklusif dan berkekalan untuk mengimport dan meng-eksport beras atau apa-apa hak eksklusif dan berkekalan lain yang berkaitan; dan
- (c) hak-hak yang berhubung dengan tanah.

Dalam Perkara 4 kepada Rang Undang-undang ini menerangkan tentang penerbitan sekuriti syarikat tertakluk kepada arahan Kerajaan.

Dalam Perkara 5 kepada Rang Undang-undang ini menerangkan bahawa setiap kakitangan LPN yang sedang berkhidmat pada masa ini akan diambil bekerja dan setuju terima oleh syarikat pengganti selepas satu pilihan atau, dengan izin, option, diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat, BERNAS perlu berdikari dari segi kewangan dan tidak boleh lagi bergantung kepada peruntukan kewangan Kerajaan tiap-tiap tahun, Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa BERNAS akan hanya menumpukan operasinya kepada pencarian keuntungan sahaja, oleh kerana BERNAS dimiliki 100%

oleh Kerajaan, ia diperlukan menunaikan kewajipan sosial kepada rakyat dengan membantu Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar dan program-programnya dalam industri padi dan beras.

Juga sebagai sebuah syarikat, BERNAS akan beroperasi dalam suasana pasaran yang sering mempunyai pertandingan. Ini akan memerlukan syarikat tersebut sentiasa membaiki dan meningkatkan perkhidmatannya kepada petani-petani dan pengguna-pengguna. BERNAS sebagai sebuah syarikat Kerajaan adalah diperlukan melaksanakan program-program Kerajaan yang menjaga kepentingan petani, pengguna dan keselamatan makanan negara.

**Kepentingan petani-petani tetap terjamin.** BERNAS adalah dikehendaki melaksanakan harga tawaran padi yang ditetapkan oleh Kerajaan. Syarikat tersebut dimestikan membeli semua padi yang dibawa petani-petani sekurang-kurangnya pada harga minimum terjamin. Seperti sekarang syarikat tidak boleh menolak padi-padi yang dibawa oleh petani-petani atas alasan tiada cukup kapasiti mengering atau mutu padi yang rendah. BERNAS juga akan terus menguruskan pembayaran subsidi harga padi bagi pihak Kerajaan. Pihak Kementerian Pertanian akan mengawasi pelaksanaan aktiviti ini oleh BERNAS supaya kepentingan petani-petani sentiasa dijaga.

Kepentingan pengguna-pengguna tetap terpelihara. Pada awal tahun 1993 Kerajaan telah mengapungkan harga beras bermutu tinggi, manakala harga beras premium dan standard ditetapkan dan dikawal. Apabila LPN diperbadankan pengawalan harga beras standard dan premium serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan beras akan dipindah dan terus dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertanian.

BERNAS dipertanggungjawabkan bagi memastikan bekalan beras premium dan standard yang harganya rendah masih boleh membeli beras-beras berkenaan pada kadar harga dikawal dan beras jenis lain sentiasa mencukupi dengan harganya yang berpatutan. Pengguna-pengguna terutamanya yang berpendapatan rendah masih boleh membeli beras-beras berkenaan pada kadar harga kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Mereka yang berpendapatan tinggi, boleh menikmati beras 'super' pada harga yang berpatutan. Kualiti dan harga beras di pasaran akan terus diawasi oleh Jabatan Kawalselia, Kementerian Pertanian dan BERNAS adalah tertakluk kepada pengawasan tersebut.

**Keselamatan makanan negara.** BERNAS akan menguruskan stokpile beras bagi pihak Kerajaan untuk menjaga keselamatan makanan negara. Berkait rapat dengan keselamatan makanan negara, pengimportan beras akan diuruskan oleh BERNAS dengan pengawasan yang ketat oleh Kerajaan. BERNAS adalah bertanggungjawab mengimport beras dalam apa keadaan pasaran beras antarabangsa. Oleh kerana harga beras di pasaran antarabangsa tidak menentu, sedangkan pegimportan beras bagi mencukupkan permintaan dalam negeri mesti dibuat, syarikat

tersebut dikehendaki mengimport beras yang diperlukan walaupun harga di pasaran antarabangsa lebih tinggi dari harga di pasaran tempatan. Dengan perancangan yang baik dan operasi yang berkesan dan efisien, Kerajaan berpendapat BERNAS akan dapat mengatasi masalah kekurangan pendapatan disebabkan harga beras di pasaran antarabangsa lebih tinggi dari harga di pasaran terapanan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat dan memastikan supaya urusan berkaitan dengan pembelian, pemasaran padi dan beras dapat berjalan dengan lebih teratur dan cekap. Di dalam hal pembelian dan pemasaran padi dan beras ini, Kerajaan tetap akan memastikan bahawa peranan dan tanggungjawab pengilang-pengilang padi di seluruh negara, terutamanya pengilang bumiputera tidak akan terjejas. Sukacita dinyatakan bahawa lesen pengilangan, lesen pemborong dan lesen peruncit padi dan beras akan terus dikeluarkan oleh Bahagian Industri Padi Beras, Kementerian Pertanian dan tidak oleh syarikat pengganti.

Dengan adanya perubahan ini, Kerajaan berharap petani-petani akan dapat menjual padi mereka dalam masa yang singkat selepas di-tuai dan kepada sesiapa sahaja yang mereka sukai asalkan pembeli padi berkenaan mempunyai lesen dari Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan tidak berlaku lagi masalah padi dilonggokkan di tepi jalan raya beberapa kilometer panjangnya dan tidak diangkut untuk beberapa hari lamanya.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk memberi nasihat kepada pengilang-pengilang padi terutamanya pengilang padi bumiputera supaya memperluas dan mempergiatkan perniagaan mereka supaya lebih berdaya saing dan mampu menggerakkan industri padi dan beras negara ke tahap komersil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara subsidi harga padi, Kerajaan akan terus memberikan peruntukan kepada petani-petani dan dibayar melalui syarikat pengganti. Kos pengurusan subsidi yang berjumlah RM21 juta setahun akan ditanggung oleh syarikat pengganti. Dalam hal **ini**, Kerajaan tetap akan mengawasi perjalanan subsidi tersebut dan akan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa.

Menyentuh tentang stokpile beras negara, tanggungjawab telah diberikan juga kepada syarikat pengganti oleh Kerajaan untuk menguruskannya. Ini bermakna Kerajaan juga telah dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM13.2 juta setahun bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak dan **liabiliti** Lembaga Padi dan Beras Negara pada suatu syarikat, untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi

perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang, berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, silakan.

**5.28 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang **ini**, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dalam mengadakan syarikat pengganti ini.

Saya telah mendengar dengan **teliti** penjelasan yang telah dibuat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan dengan sebab musababnya dan keperluan diadakan syarikat pengganti ini.

Saya dengar daripada penjelasan yang telah diberi pertamanya, harga beras dikawal. Maksudnya syarikat pengganti tidak dibenarkan untuk menentukan harga mengikut pasaran, mengikut demand. Yang keduanya, Setiausaha Parlimen juga telah menyebut bahawa syarikat ini dikehendaki untuk membeli semua padi yang telah dikeluarkan oleh penanam padi. Yang ketiga, kalau saya tidak silap mendengar penjelasan tadi bahawa syarikat tidak bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan dalam mengendalikan syarikat ini. Dan yang terakhir sekali, yang keempat, juga menerusi syarikat pengganti inilah, maka semua subsidi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan akan dikeluarkan oleh syarikat pengganti ini yang menyebabkan Kerajaan boleh menjimat sebanyak RM21 juta satu tahun.



Daripada perkara yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen berkenaan dengan apa yang dikehendaki dilakukan oleh syarikat pengganti ini, saya bayangkan bahawa syarikat ini merupakan sebuah syarikat yang mempunyai dana yang besar. Income dia besar, sebab ia dikehendaki untuk melakukan empat perkara ini yang banyak menunjukkan soal-soal subsidi, soal harga dikawal, ini saya rasa dari segi komersil agak sukar untuk sebuah syarikat mempunyai dana yang besar, kerana dalam satu ketika dia dikehendaki untuk mempunyai wang yang banyak, dalam ketika yang lain dia juga terikat dengan syarat-syarat yang saya nampak agak sukar syarikat ini untuk mendapat keuntungan yang besar dalam hal **ini**. Apatah lagi ini soal beras, dengan izin, immoral, kalau sckiranya kita mengambil keuntungan yang besar daripada penjualan beras ini.

Jadi, soalan saya di sini daripada manakah sumber kewangan syarikat pengganti ini sehinggakan dia boleh memainkan peranan yang disyaratkan oleh Kerajaan yang empat ini tadi. Sebagai contoh, saya selaku Pengerusi MARA, MARA dikehendaki untuk buat ini, buat itu dan macam-macam, tetapi MARA bukan syarikat. MARA dapat tiap-tiap tahun peruntukan dari Kerajaan. Sebab itu kita boleh buat perkara ini. Jadi, saya merasa sedikit, mungkin, dengan izin, my ignorant daripada mana sumber kewangan syarikat ini, saya merasakah kalau syarikat ini disuruh lakukan empat perkara tadi; harganya dikawal, dimestikan beli setiap padi yang dikeluarkan, dia tidak bergantung kepada peruntukan Kerajaan dan terus dikehendaki membayar subsidi, daripada manakah sumber kewangan syarikat pengganti ini.

Jadi, saya hendak tahu sama ada ianya daripada margin yang diimport - katalah syarikat ini diberikan lesen untuk mengimport beras daripada luar, maka kalau harganya RM1.00 satu guni, sebagai contoh, maka syarikat ini boleh charge RM4.00, maknanya dia charge RM3.00. Jadi, apakah sumber kewangan daripada margin yang dibuat oleh penjualan beras dalam negara ini? Tetapi kita harus ambil kira juga kalau sumber kewangan daripada margin yang dibuat daripada dia membawa beras masuk dan menjual, saya rasa sebagai sebuah syarikat Kerajaan is a bit immoral, dengan izin, kalau kita mengenakan satu margin yang tinggi terhadap perdagangan yang melibatkan makanan utama kepada rakyat seluruh negara kita. Jadi, saya minta daripada pihak Kementerian menjelaskan daripada manakah sumber kewangan yang diperolehi oleh syarikat pengganti ini sehinggakan ia boleh melaksanakan peranan-peranan yang telah saya sebutkan sebentar tadi untuk diberikan kepada masyarakat.

Jadi, dengan **itu**, saya sekali lagi menyatakan bahawa saya sokong Rang Undang-undang ini, Terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

**5.33 ptg.**

**Tuan Ho Cheng Hang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) **1994 ini**. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan harapan bahawa dengan wujudnya syarikat pengganti **ini**, urusan jualan dan kawalan padi dan beras akan diuruskan dengan lebih cekap lagi berkesan atau dengan *efficient*, dengan izin. Maksud saya atau harapan saya supaya urusan atau kawalan penggalakan dan bekalan padi

ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan. Pada akhirnya pengguna-pengguna kita akan menerima faedah dari segi bekalan beras yang stabil dan dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin membangkitkan satu masalah berkaitan dengan pemborong dan penjual kedai-kedai runcit.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Penjual.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Penjual kedai runcit. Pada ketika ini, pada pengetahuan saya di kedai runcit, bila mereka menjual beras, mestilah mengisikan, mengeluarkan atau mengadakan satu buku rekod, yang mana buku-buku ini mesti merekodkan kesemua pembeli, bila jual, berapa harga beras dan jual kepada siapa dalam buku ini. Oleh sebab ini, saya rasa satu kerja yang sangat susah dan leceh kepada pekedai runcit.

Saya di sini ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen oleh sebab pada masa dahulu tepung dan gula juga dikawal di mana peniaga mesti buat report, jual kepada siapa, berapa kati dan sebagainya. Oleh sebab itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kita akan memansuhkan prosedur yang leceh itu pada masa yang akan datang? Sekian.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Sila Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

### **5.35 ptg.**

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian serta menyokong Akta yang dinamakan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994.

Seperti apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pertanian, Akta ini merupakan suatu Akta

yang bertujuan memperbadankan Lembaga Padi dan Beras Negara, dan saya berharap ini adalah langkah permulaan kepada matlamat hendak menswastakan LPN ini. Matlamat untuk memperbadankan LPN adalah jelas, iaitu hendak mempertingkatkan kecekapan dan ini akan dicapai melalui mempertingkatkan daya pengeluaran. Sekiranya peningkatan daya pengeluaran dapat dicapai, maka ini akan mengurangkan kos dan seterusnya kerugian LPN akan dikurangkan dan kemungkinan besar keadaan kewangan ini bertukar menjadi keuntungan. Tetapi apa yang pasti berlaku sekurang-kurangnya dalam jangka masa pendek selepas LPN diperbadankan, ialah bahawa beban kewangan Kerajaan akan diper-turunkan. Sebahagian daripada beban yang dahulunya ditanggung oleh pihak Kerajaan akan ditanggung oleh LPN yang selepas Akta ini diluluskan, akan merupakan satu syarikat swasta walaupun 100% daripada ekuitinya adalah dimiliki oleh pihak Kerajaan.

Saya gembira juga mendapati bahawa subsidi untuk petani-petani yang diuruskan oleh LPN akan diteruskan. Saya ingin membangkitkan satu soalan sahaja, iaitu adakah negara kita terpaksa memansuhkan subsidi ini lantaran daripada menandatangani GATT ataupun Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan? Setahu saya, negara-negara yang juga mengeluarkan sebahagian daripada beras yang mereka gunakan seperti Jepun dan Korea dipaksa setelah menandatangani GATT memansuhkan subsidi sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya untuk petani-petani.

Saya berharap negara kita tidak terlibat sebab para petani padi merupakan golongan yang miskin, dan kalau kita terpaksa berbuat demikian, ini bererti dasar membasmi kemiskinan akan terjejas.

Jadi, saya berharap pihak Kerajaan akan memastikan bahawa LPN akan

terus memberikan subsidi sebab ini merupakan satu tanggungjawab sosial yang harus ditanggung oleh LPN walaupun LPN merupakan satu syarikat swasta setelah Akta ini diluluskan.

Pada masa yang sama, saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian bahawa sebahagian sahaja daripada beras harganya yang akan dikawal, sedangkan gred beras yang lebih baik, harganya tidak lagi akan dikawal, tetapi adalah diapung, iaitu akan ditentukan di pasaran beras.

Pada hemat saya, adalah penting gred beras yang lebih rendah yang digunakan oleh mereka yang raiskin harus terus dikawal supaya kita dapat melindungi kepentingan para pengguna yang miskin. Tetapi bagi mereka yang kaya, saya rasa tidaklah rasional kalau kita juga memberikan subsidi kepada mereka. Mereka yang mampu haruslah dikenakan harga yang lebih tinggi kalau mereka mahu menggunakan beras yang bermutu baik. Dengan izin, we must charge what the market can bear iaitu mereka yang mahu memakan beras yang bermutu baik dan oleh kerana mereka mampu, mereka haruslah membayar harga yang lebih tinggi tetapi bagi mereka yang miskin, kita mesti terus melindungi kepentingan mereka. Jadi, beras yang mereka makan itu harganya harus kita kawal dengan ketat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membuat rayuan kepada Kerajaan supaya lesen-lesen bagi pengilang-pengilang padi harus diberikan secara liberal sebab kita mesti memastikan adanya persaingan dalam aktiviti perkilangan padi itu. Adalah tidak baik dan rasional lesen-lesen ini hanya dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu sebab ini mungkin akan menimbulkan keadaan 'oligopoly' sebab keadaan pasaran 'oligopoly' adalah tidak sihat.

Adanya dua perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bangkitkan di sini. Satu, adalah berkait dengan peranan kawal selia yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian iaitu Kementerian Pertanian akan mengawal selia LPN setelah LPN diperbadankan. Ini adalah baik sebab Kementerian Pertanian mempunyai tanggungjawab

kepada masyarakat. Justeru itu, kegiatan-kegiatan, tindakan-tindakan LPN haruslah dikawal selia tetapi supaya tindakan kawal selia ini dapat dilakukan dengan cekap, Kementerian Pertanian mesti boleh mendapatkan data-data yang baik dan objektif berkait dengan pasaran beras. Dalam hal **ini**, saya berharap Kementerian Pertanian tidaklah setakat hanya bergantung kepada apa jua maklumat yang dibekalkan oleh LPN sahaja tetapi akan juga mengutip data yang lebih objektif supaya aktiviti kawal selia yang Kementerian ini lakukan akan dapat dijalankan dengan lebih cekap.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pada satu ketika kemudian, saham-saham LPN sebahagiannya dapat dijualkan kepada orang ramai. Kalau adanya perkara ini, saya berharap sebahagiannya akan diperuntukkan untuk para petani ataupun pertubuhan-pertubuhan yang mewakili kepentingan petani sebab petani merupakan pengeluar padi dan beras. Justeru, apabila LPN sudah berjaya iaitu mula memperolehi keuntungan sehingga saham-sahamnya dapat dijualkan, saya berharap sebahagian daripadanya akan diperuntukkan kepada para petani. Ini boleh juga dianggap sebagai satu langkah untuk membasmi kemiskinan dan memang langkah seperti ini telah pun dilakukan di Republik Korea.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada lagi yang hendak membincangkan Usul **ini**, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

**5.44 ptg.**

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan. Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian. Pertanian saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Syarikat Pengganti) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nazri ingin mengetahui daripada sumber manakah syarikat pengganti mendapat kewangan bagi menjalankan urusniaga. Seperti mana saya sebutkan tadi bahawa segala perletakhakan harta dan sebagainya yang dipegang oleh LPN pada masa sekarang apabila diperbadankan pada 1hb Julai 1994 nanti, semuanya akan diletakkan kepada syarikat pengganti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber kewangan utama syarikat pengganti ialah daripada jualan beras tempatan dan beras import yang berjumlah di antara RM700 juta hingga RM800 juta setahun. Margin yang diperolehi oleh syarikat ini ialah daripada hasil jualan beras import yang bermutu tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, volume beras yang dijual setahun ialah dalam lingkungan 700,000 tan metrik ataupun hampir 50% daripada keperluan beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali.lagi bahawa Kerajaan akan perbadankan LPN, bukan Kerajaan hendak swastakan LPN. Mungkiri ada perbezaan di antara diperbadan dengan diswastakan. Apabila kita perbadankan Syarikat BERNAS, ianya dimiliki 100% oleh pihak Kerajaan. Jadi, saya tidak mahu kita salah cakap. Nanti kita



kita hendak swasta LPN. Kerajaan tidak berhasrat untuk menswastakan LPN oleh kerana Kerajaan tidak boleh berniaga, maka Kerajaan telah menubuhkan syarikat pengganti iaitu Syarikat Beras Nasional untuk menjalankan perniagaan. Bagi soal-soal kawal selia, berhubung dengan penguatkuasaan, berhubung dengan pengeluaran lesen, langkah-langkah mengawal penyeludupan, itu semuanya masih terletak di bawah Kementerian Pertanian yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Industri Padi Beras iaitu Bahagian Kawal Selia.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon juga membangkitkan soal pengeluaran lesen supaya dipertimbangkan kepada semua kaum. Suka saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak ada diskriminasi dalam pengeluaran lesen. Sebenarnya lesen yang dipegang oleh orang-orang bukan bumiputera adalah banyak. Jadi, kita janganlah terkejut kalau ada sedikit LPN hendak menimbangkan permohonan untuk pengilang-pengilang bumiputera, jadi kita tidak harus terkejutlah kalau ada hendak menimbangkan lesen kepada syarikat-syarikat bumiputera kerana dasar kita, kita hendak mengajak supaya masyarakat bumiputera juga melibatkan dalam industri padi dan beras. Kita tidak mahu bumiputera hanya jadi penanam padi manakala yang menjalankan industri perniagaan padi dan beras adalah orang lain.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya ingin mengemukakan satu persoalan kepada apa yang telah diperkatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Bukan persoalan, tetapi penjelasan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ada penjelasan. Adakah dengan wujudnya satu perbadanan yang baru ini, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi golongan bumiputera untuk mendapatkan lesen-lesen akan dipertingkatkan dengan tidak menentukan apa bentuk bumiputera sekali pun?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk mendapatkan lesen sama ada lesen pengilang, lesen peruncit, lesen pemborong akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Soal berkenaan pengeluaran lesen di bawah kawalan Kementerian, bukan terletak di tangan syarikat. Pihak Kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya tanpa mengira keturunan.

Yang Berhormat Senator Tuan Ho Cheng Wang ada membangkitkan soal peraturan yang dikenakan oleh LPN di mana peruncit diperlukan menyimpan akaun harian dan mencadangkan supaya akaun ini tidak perlu diadakan ataupun tidak perlu diteruskan. Seperti mana kita semua sedia maklum, beras adalah makanan utama - nasi adalah makanan utama kita dan kita perlu mengadakan rekod untuk mengesan tentang simpanan beras kerana dengan cara ini kita dapat mengetahui keadaan beras dalam negara kita dan kita boleh mengelak daripada perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti penyeludupan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita tidak bercadang....

**Tuan Fu Ah Kiow: [Bangun]**

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata, kedai-kedai runcit masih perlu menyimpan rekod penjualan beras. Saya hendak minta penjelasan bahawa sama ada Yang Berhormat telah mempertimbangkan perubahan pada keadaan sekarang iaitu;

- (a) pada masa dulu kita memerlukan kedai runcit menyimpan rekod segala pembelian dan penjualan beras iaitu disebabkan pada masa dulu kita dalam masa kecemasan dan masa konfrontasi dengan Indonesia. Jadi, pada masa itu. mungkin ada keperluan untuk menyimpan rekod; dan

- (b) saya difahamkan pada masa sekarang pemborong beras sudah pun menyimpan rekod-rekod jualan beras kepada semua kedai runcit. Jadi, sama ada ini merupakan suatu usaha repetition, dengan izin; dan
- (c) menguatkuasakan syarat ini iaitu memerlukan kedai runcit menyimpan satu rekod, sama ada supermarket juga menjalankan tugas ini.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada masa konfrontasikah atau masa aman, kita makan nasi macam itu juga. Jadi, kita kena simpan rekod. Tidak ada rancangan untuk membatalkan. Jadi, peruncit-peruncit dikehendaki menyimpan rekod kerana beras adalah barang kawalan dan makanan utama penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa Kerajaan pada masa sekarang tidak bercadang untuk menghentikan ataupun menarik balik Skira Subsidi Harga Padi. Jadi, Kerajaan akan teruskan bayaran subsidi harga padi ini di semua kilang-kilang sama ada kilang yang dimiliki oleh Syarikat BERNAS ataupun kilang-kilang swasta. Urusan pembayaran subsidi harga padi akan diteruskan dan ia akan dikendalikan oleh syarikat pengganti bagi pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan harga beras, kita telah pun menggedkan semula beras daripada 13 gred kesemuanya, pada masa sekarang hanya tinggal 3 gred sahaja yang dikenali dengan gred standard, gred premium dan gred super. Kerajaan telah menetapkan harga minimum untuk beras gred premium dan gred standard. Harga yang ditetapkan, kerana kita ingin menjaminkan bahawa rakyat Malaysia yang nasi itu adalah makanan utama, pada bila-bila waktu boleh mendapatkan beras di mana-mana tempat sama ada di pusat jualan LPN ataupun di

mana-mana kilang yang berlesen ataupun kedai yang dilesenkan pada harga yang dijamin dan tidak boleh dijual dengan harga yang telah ditetapkan. Tetapi pada orang-orang yang mempunyai pendapatan yang tinggi, yang ingin makan nasi ataupun beras yang lebih baik, umpamanya beras "basmathi" yang kita kategorikan dalam gred 'super', maka harga beras ini diapungkan dan kita tidak kawal. Keadaan harga ini tertaklukkan kepada pasaran dan permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak Kementerian saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terimakasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA  
(PINDAAN) 1994

**Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga**

**6.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 2, 4, 5, 6, 15 dan 22 dan menambahkan satu seksyen baru iaitu seksyen 3A dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Dengan pindaan-pindaan tersebut, fungsi Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan diperluaskan bukan sahaja meliputi anggota-anggota Tentera yang sedang berkhidmat tetapi juga untuk menjaga kepentingan bekas perajurit. Bagi maksud tersebut, satu gandingan tabung baru iaitu Tabung Bekas Perajurit akan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran jumlah bekas perajurit sekarang ialah seramai 300,000 orang. Jika kita mengambil kira keluarga dan tanggungan mereka, jumlah yang terlibat akan mencapai angka 1.5 juta orang. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan **ini**, bilangan anggota Tentera Malaysia yang bersara atau tamat perkhidmatan berjumlah lebih kurang 5,000 orang setiap tahun. Perubahan cara hidup dari alam ketenteraan yang mempunyai budaya yang tersendiri kepada cara hidup awam boleh menimbulkan kejutaan budaya, ketegangan sosial dan memerlukan proses asimilasi yang terancang. Kerajaan sedar di atas

permasalahan itu dan telah menubuhkan satu bahagian yang khusus di Kementerian Pertahanan iaitu Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit atau singkatnya HEBAT pada tahun 1970. Badan ini berdasarnya lebih menumpukan perhatian kepada program, latihan peralihan dan lain-lain aktiviti latihan/kursus dan bal-hal kebajikan. Dalam menjalankan program kebajikan, HEBAT bekerja rapat dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, duduk sekejap.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, golongan bekas perajurit merupakan potensi sumber tenaga manusia yang penting untuk pembangunan negara. Dalam merangka strategi pembangunan bekas perajurit pada masa hadapan, Kementerian Pertahanan akan memberi tumpuan kepada pembangunan tenaga kerja bekas perajurit dalam tiga sektor penting iaitu pertamanya, sektor swasta yang memerlukan kemahiran pengurusan dan kemahiran teknikal tinggi. Yang kedua, sektor perkhidmatan dan pembuatan yang memerlukan tambahan gunatenaga baru yang lebih ramai dan ketiga, sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam menangani masalah bekas perajurit. Organisasi yang ada sekarang kurang berupaya untuk melaksanakan program-program pembangunan secara berkesan sedangkan potensi tenaga kerja bekas perajurit mestilah

dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Melalui perancangan pembangunan yang menyeluruh menerusi program perabangunan sumber tenaga manusia, program pembangunan sosio-ekonomi, pelaburan, keusahawanan dan kebajikan. Hasrat tersebut akan dapat direalisasikan menerusi sebuah organisasi yang berwibawa dari segi perundangan, pengurusan kewangan dan perjawatan.

Menyedari hakikat **ini**, Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif supaya fungsi dan tanggungjawab hal ehwal bekas perajurit yang sekarang ini dipertanggungjawabkan kepada HEBAT, Kementerian Pertahanan; diambil alih oleh sebuah perbadanan yang akan ditubuhkan oleh LTAT melalui seksyen 23, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Tni adalah berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan berikut:

(i) **Obligasi Sosial LTAT Kepada Bekas Perajurit**

Caruman anggota Tentera semasa mereka berkhidmat telah membolehkan LTAT terlibat dan mempelbagaikan aktiviti sehingga menjadi sebuah badan yang besar. Adalah wajar bagi LTAT membalas budi bekas perajurit dengan menjaga kepentingan mereka pula.

(ii) **Kedudukan Kewangan Yang Kukuh**

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1972, LTAT telah berkembang dengan pesat dari segi pertumbuhan aset dan prestasi. Pada akhir tahun 1992, aset terkumpul LTAT pada nilai kos ialah RM2,500.2 juta dan pendapatan kasar ialah RM252.8 juta. Dengan kedudukan kewangan yang kukuh **ini**, LTAT



dapat mengambil alih tugas baru menjaga kepentingan bekas perajurit.

**(iii) Penempatan Anggota Tentera di Syarikat-syarikat LTAT**

Dengan mempunyai 2 buah perbadanan, 10 buah syarikat subsidiari dan 24 buah syarikat bersekutu pada 17hb Disember, 1993, LTAT dapat melaksanakan secara berkesan program penempatan anggota Tentera semasa latihan peralihan dan menyusuli kemajuan kerjaya mereka selepas tamat perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, LTAT yang telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 merupakan tabung amanah dengan tanggungjawab asasnya untuk menguruskan kumpulan wang dan harta pencarum-pencarum. Pencarum-pencarumnya terdiri daripada pegawai serta anggota lain-lain pangkat yang menyertai skim simpanannya yang masih dalam perkhidmatan kecuali golongan telah berhenti daripada perkhidmatan Tentera tetapi belum mengeluarkan caruman mereka.

Dengan pengambilalih tugas menjaga kepentingan bekas perajurit adalah wajar pindaan dibuat pada seksyen 2, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dengan mengadakan takrif bagi 'personel bersara' dan 'personel akan bersara'.

Ini bermakna dengan pindaan yang dicadangkan perkhidmatan-perkhidmatan LTAT juga akan dipanjangkan kepada bekas perajurit.

Objektif utama LTAT ialah menyediakan faedah-faedah persaraan dan lain-lain kepada anggota Angkatan Tentera lain-lain pangkat, serta membolehkan semua pegawai dalam Perkhidmatan Tentera menyertai satu skim simpanan. Sumber kewangan Angkatan Tentera ialah caruman daripada anggota tentera yang masih dalam perkhidmatan atau bekas perajurit yang tidak mengeluarkan caruman mereka. Bagi tujuan untuk memberi perkhidmatan sosio-ekonomi dan kebajikan pada bekas perajurit yang akan merupakan pencarum, satu tabung bekas perajurit yang berasingan daripada Tabung Angkatan Tentera dicadangkan. Ini memerlukan pertambahan satu seksyen baru 3A kepada Akta Tabung Angkatan Tentera 1973.

Tabung Bekas Perajurit boleh diperolehi dari sumber-sumber seperti pemberian tahunan daripada Kumpulanwang Disatukan, semua derra, hadiah, pinjaman dan juga hasil pelaburan. Wang dari tabung ini akan digunakan untuk perbelanjaan Program Pembangunan Usahawan, Program Pelaburan, Program Kebajikan, Skim Pinjaman dan perbelanjaan pengurusan perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tanggungjawab pengurusan dan periyelenggaraan Tabung Angkatan Tentera adalah diletakkan di bawah sebuah Lembaga Pengarah.

Fungsi utama Lembaga Pengarah ialah menggubal dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan dan memastikan LTAT mencapai objektif-objektif perubahan. Dengan perluasan fungsi LTAT, Lembaga yang sama juga dicadangkan untuk mengurus dan menyelenggara Tabung Bekas Perajurit yang diwujudkan di bawah Seksyen 3A. Ini memerlukan pindaan kepada Seksyen 4 Akta Tabung Angkatan Tentera.

Dengan perluasan fungsi sekarang untuk meliputi bakal dan bekas perajurit, adalah perlu Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga mentadbir Tabung Bekas Perajurit. Oleh itu, Seksyen 5(1) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dicadangkan dipinda untuk meluaskan kuasa Lembaga untuk meliputi golongan baru ini. Begitu juga Seksyen 5(3) dicadangkan dipinda untuk membolehkan agen-agen dan penasihat-penasihat yang dilantik, untuk kepentingan bekas perajurit dibayar melalui Tabung Bekas Perajurit. Dengan pindaan **ini**, saya yakin Tabung Bekas Perajurit akah mendapat kepakaran-kepakaran yang diperlukan untuk menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan kepada bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menasihatkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam melaksanakan fungsi-fungsinya satu Panel Pelaburan telah ditubuhkan. Panel Pelaburan ini dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari pakar-pakar yang terkemuka di dalam bidang-bidang industri dan bank di negara ini. Dengan perluasan

fungsi LTAT, adalah dicadangkan tanggungjawab 'Penal Pelaburan ini juga meliputi Tabung Bekas Perajurit. Dengan demikian, pindaan kepada Seksyen 6"(1) adalah dicadangkan.

Sehubungan dengan cadangan memperluaskan kuasa Panel Pelaburan untuk meliputi Tabung Bekas" Perajurit, adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada Seksyen 15(1) Akta.

Pada masa sekarang, di bawah Seksyen 15(1), Lembaga atas nasihat yang diberi oleh Panel Pelaburan boleh melaburkan dalam negara wang yang ada dalam Tabung Angkatan Tentera dan dalam Kumpulanwang Rizab. Cadangan sekarang ialah pindaan dibuat kepada Seksyen 15(1) untuk memberi kuasa kepada Lembaga juga untuk melaburkan dalam negara wang dalam Tabung Bekas Perajurit. Ini akan memastikan bahawa Tabung Bekas Perajurit yang baru ini akan menerima satu sumber pendapatan yang berterusan berdasarkan kepada pelaburan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 22 adalah dipinda dengan menambahkan dua perenggan baru (aa) dan (ga) pada Seksyen 22. Perenggan (aa) akan memberi Lembaga kuasa untuk menentukan terma-terma dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh mana-mana personel yang akan bersara ataupun personel bersara untuk layak mendapat faedah di bawah Akta ini. Perenggan (ga) pula menentukan terma-terma dan syarat-syarat bagi pemberian apa-apa pinjaman daripada Tabung Bekas Perajurit. Dengan pindaan ini Tabung Bekas Perajurit ini akan berfungsi dengan berkesan.

Dengan pindaan-pindaan yang dihuraikan di atas, LTAT akan menjadi pihak berkuasa yang akan menentu dan menyelia dasar bagi

menjaga kepentingan bekas perajurit, sementara pelaksanaan dasar-dasar tersebut akan dijalankan oleh perbadanan yang akan ditubuhkan melalui Seksyen 23 Akta. Dengan penubuhan perbadanan tersebut Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan akan dimansuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin semua bakal dan bekas perajurit di negara ini akan menerima perubahan ini dengan baik. Pengwujudan Tabung Bekas Perajurit dan perbadanan sebagai satu tanda yang nyata bahawa Kerajaan Pusat senantiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan serta masalah yang dihadapi oleh bekas perajurit. Dengan yang demikian, Kerajaan berharap tuduhan-tuduhan dari pihak-pihak tertentu bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian sewajarnya kepada masalah-masalah bekas perajurit tidak akan dibangkitkan lagi.

Saya juga berharap tindakan positif Kerajaan yang diambil ini bukan sahaja memberikan satu keuntungan kepada bekas perajurit, tetapi juga akan menjadi perangsang kepada semua anggota tentera yang sedang berkhidmat untuk bekerja lebih cemerlang lagi dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk

dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

**6.17 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah begitu teliti di atas permintaan yang telah dibuat oleh bekas-bekas Angkatan Tentera sehingga diusahakan untuk mewujudkan satu Akta yang mengambil kira tentang kebajikan bekas Angkatan Tentera ini.

Saya tidak hendak bercakap banyak, hanya setakat ingin meminta penjelasan daripada pihak Kementerian berkenaan dengan Lembaga di muka surat 5, Perkara 9 iaitu di mana disebut;

"9(a)(1) Adalah menjadi tugas Lembaga untuk mentadbir dan mengurus Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit.....".

Saya percaya iaitu Lembaga yang telah dibayangkan dalam Akta itu ialah satu Lembaga yang mana dipenuhi oleh Ahli-ahli Lembaga yang sudah tentu mengambil kira Ahli-ahli Lembaga yang menjaga kepentingan dan kebajikan Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat sahaja. Maka di sini, kalau sekiranya komposisi Lembaga ini tidak disyaratkan iaitu bahawa mesti ada wakil daripada bekas Angkatan Tentera, maka saya merasakan iaitu bahawa sedikit-sebanyak ianya tidak mencerminkan kebajikan bekas Angkatan Tentera itu diambil kira, kerana tidak ada disyaratkan di bawah pindaan Akta ini untuk mengambil kira penyertaan daripada Ahli-ahli Lembaga ini yang terdiri dari mereka yang datang daripada bekas tentera. Ini ialah kerana Akta itu sendiri telah ditukar daripada Akta yang hanya menjaga Akta Tabung Angkatan Tentera sahaja, ianya telah ditukar namanya kepada "Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit".

Jadi, cadangan saya ialah juga untuk mencerminkan bahawa kebajikan dan kepentingan bekas Angkatan Tentera itu diambil kira, maka di dalam pindaan ini, mungkin di masa akan datang, pindaan kepada komposisi Lembaga itu juga harus dilakukan, walaupun saya percaya di dalam Akta itu memang ada kesempatan untuk dilantik mereka yang bekas Angkatan Tentera tetapi saya merasakan oleh kerana Akta ini juga telah dipinda namanya, 'to include', dengan izin, bekas Angkatan Tentera, maka saya rasa lebih kemas kalau sekiranya Lembaga itu turut disyaratkan juga untuk diisikan oleh sekurang-kurangnya satu ataupun dua bekas tentera.

Ini sahaja yang saya nampak dan yang saya hendak bangkitkan ialah saya fikirkan iaitu bahawa ianya lebih kemas dan mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk membantu bekas Angkatan Tentera dengan memasukkan komposisi Lembaga mestilah disyaratkan penyertaan ahli Lembaga itu adalah mereka dari bekas Angkatan Tentera. Itu sahaja yang saya hendak ucapkan dan sekali lagi saya menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**6.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994 sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa 17hb Mei, 1994.

**Datuk K. Vijayanathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul sebagaimana yang dikemukakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994 sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa 17hb Mei, 1994.



**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TABUNG ANGKATAN  
TENTERA (PINDAAN) 1994**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Persidangan disambung semula**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari.

**6.24 ptg.**

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1994 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di dalam konteks ini, saya ingin mengulangi, dan menyampaikan ucapan terima kasih daripada segenap lapisan warga bekas perajurit di atas keprihatinan dan kepekaan Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri terhadap kepahitan hidup dan penderitaan yang sedang dialami oleh bekas-bekas perajurit di dalam menempuh liku-liku serta sisa-sisa hidup mereka di tanah air sendiri.

Pindaan tersebut bukan sabaja memberi nafas baru bahkan juga membawa seribu sinar harapan. Ibarat kata, 'setitik air atma jiwa kepada mereka yang sentiasa dahaga dan kehausan'. Telah sekian lama mereka berdoa, merintih dan mengharapkan sesuatu pembelaan, khususnya dilakukan bagi menjamin masa depan serta penghidupan mereka dan keluarga tersayang. Mereka telah melibat negara membangun dengan begitu pesat sekali dan maju. Sebuah negara yang

pada asalnya berunsurkan pertanian, kini berubah menjadi sebuah negara industri yang trampil dan disegani. Namun mereka yang tersisih dan tertinggal daripada segenap pembangunan dan tenggelam di dalam arus kepesatan edaran. zaman ini kerana sandiwara kemelut kesibukan perlumbaan materialisme pelbagai pihak, selama ini mereka ketinggalan dalam pelbagai sudut. Usaha-usaha untuk mengubah haluan dan menukar kehidupan mereka tidak akan berhasil tanpa usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak yang berkuasa. Apakah kita ingin atau suka melihat fenomena ini berterusan pada hal Wawasan 2020 menjanjikan satu kehidupan yang lebih sempurna dan canggih untuk semua.

Proses pindaan "Akta ini setidaknya-tidaknyanya membuka ruang kreativiti" yang lebih meluas kepada Tabung Angkatan Tentera supaya kemudahan yang lebih besar dapat disumbangkan bagi mempertingkatkan kehidupan bekas-bekas perajurit di tanah air. Di dalam konteks ini, saya menaruh seribu harapan, semoga segala kemudahan yang termaktub di dalam pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera ini bukan sahaja akan meliputi pencazum-pencarum kepada Tabung Angkatan Tentera sahaja bahkan juga akan merangkumi seluruh warga bekas perajurit di tanah air termasuk bekas-bekas anak watan yang pernah berkhidmat di dalam Angkatan Tentera British atau 'Malayan Other Ranks' dan telah berjuang bermati-matian bagi mempertahankan negara ini pada suatu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan. yang jentera penggerak hasil daripada pindaan Akta ini benar-benar memberi makna kepada bekas-bekas perajurit, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak

kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nazri Abdul Aziz tadi, amatlah munasabah dan wajar sekali, saya pohon mencadangkan supaya wakil Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dapat duduk dalam Jemaah Tadbir sama ada Perbadanan atau Tabung yang akan ditubuhkan kelak kerana Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mewakili sebahagian besar daripada bekas-bekas perajurit negara dan memahami secara mendalam masalah bekas-bekas perajurit. Adalah menjadi harapan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia supaya pihak Perbadanan dan Tabung Bekas Perajurit ini dapat bekerja rapat di antara satu sama lain untuk kepentingan kita bersama.

Selain daripada meminda Akta Tabung Angkatan Tentera, saya berpendapat bahawa Kementerian Pertahanan boleh memainkan peranan yang lebih efektif dan saya yakin banyak ruang lagi yang dapat dimainkan bagi menangani masalah bekas-bekas perajurit baik secara individu mahupun secara kolektif. Sebagai warganegara yang turut prihatin terhadap pencapaian Wawasan 2020 mereka telah pun berjanji akan merealisasikan Wawasan tersebut melalui perbagai wacana sebagai kesinambungan wadah perjuangan suci mereka.

Dalam konteks ini, Kementerian Pertahanan hendaklah memberi kemudahan dan peluang-peluang yang lebih meluas kepada syarikat-syarikat bekas perajurit yang berdaftar dengan mereka untuk mendapatkan tender, sebut harga dan sebagainya. Di samping itu, bimbingan serta tunjuk ajar yang lebih positif untuk membangunkan reformasi mental bakal bekas-bekas perajurit hendaklah diutamakan. Andainya tidak, daya usaha dan daya saing mereka ini tentu sekali tidak dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terhadap pindaan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pihak Kementerian diminta menjawab.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat berkenaan dengan perlantikan ataupun komposisi perlantikan Lembaga Pengarah supaya mengambil kira perwakilan daripada bekas-bekaa perajurit, sebenarnya perkara ini adalah merupakan amalan yang ada sekarang. Satu ataupun dua orang bekas tentera ada dilantik untuk menduduki Lembaga Pengarah LTAT dan juga anak-anak syarikat LTAT yang banyak **itu**.

Umpamanya, sekarang ini pengerusi LTAT itu sendiri adalah merupakan bekas tentera dan banyak lagi anak-anak syarikat umpamanya yang mempengerusikan bank, syarikat-syarikat yang besar dan LTAT juga diambil dari kalangan bekas perajurit. Dan begitu juga sebahagian besar daripada kakitangan pengurusan juga diambil daripada bekas perajurit yang mana mereka ini telah dilatih dalam bidang kemahiran, pengurusan dan sebagainya.

Untuk memasukkan ....

**Dato' Zainal Abidin bin Johari: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Pohon penjelasan. Adakah mereka yang dilantik yang kononnya dijadikan amalan Kementerian Pertahanan ataupun Kerajaan menduduki Lembaga Angkatan Tentera ini kebanyakan dipenuhi oleh Jeneral-jeneral yang bersara. Maksud saya kalau boleh meliputi semua lapisan bekas-bekas perajurit. Inilah yang menjadi masalah kepada bekas-bekas perajurit tempat-tempat keutamaannya hanya dikhususkan kepada Jeneral-jeneral yang bersara sahaja, bukan kepada lain-lain pangkat dan pegawai-pegawai yang lain.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini adalah berasaskan kepada kesesuaian serta kebolehan mereka. Ia tidak dihadkan kepada

bekas-bekas Jeneral sahaja. Saya percaya Kerajaan akan menimbangkan untuk melantik sesiapa sahaja bekas perajurit tidak kira pangkat untuk menduduki tempat-tempat di dalam Lembaga Pengarah ini.

Namun pun begitu, kalau pun tidak dilantik di dalam ataupun sebagai Ahli Lembaga Pengarah ataupun Pengerusi, saya yakin ahli-ahli biasa bekas perajurit ada juga tempatnya, saya fikir kita perlu melihat statistik perangkaan. Jadi, saya tidak bertujuan untuk membentangkan di sini perangkaan berapa orang Jeneral dan juga bekas-bekas perajurit lain-lain pangkat yang - diberikan faedah dan keistimewaan melalui syarikat-syarikat serta anak-anak syarikat LTAT ini, tetapi jika sekiranya pihak persatuan berminat kita boleh memberikan kepada mereka perangkaan-perangkaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang akan datang, kemungkinan kita akan boleh mengkaji menerusi cadangan-cadangan pindaan kepada Akta ini untuk meletakkan peruntukari seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri sebentar tadi.

Yang keduanya, Dato' Zainol Abidin bin Johari juga telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin yang juga merupakan Presiden PBPM. Kementerian merakamkan di sini satu ucapan tahniah dan terima kasih kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang telah banyak membantu Kementerian dalam menyelesaikan

masalah-masalah berkaitan dengan hal ehwal bekas perajurit ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun kita harus juga memberikan satu gambaran yang tepat tentang kedudukan bekas perajurit ini, tidaklah semuanya yang digambarkan bahawa bekas-bekas perajurit ini merana, bekas-bekas perajurit ini merempat dan bekas-bekas perajurit ini susah dalam negara **ini**, seolah itu benar. Kita banyak juga membela bekas-bekas perajurit. Dan kalau kita siasat ke seluruh negara, tidaklah ramai bekas-bekas perajurit ini yang minta sedekah ataupun yang tidak makan ataupun kebuluran, malahan mereka ini dibela.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah sebelum pindaan kepada Akta ini dibuat, Kementerian Pertahanan sendiri mengambil satu daya usaha yang kuat untuk membantu bekas-bekas perajurit; yang menjadi ahli persatuan adalah lebih kurang 85,000 orang. Bekas perajurit keseluruhannya hampir 300,000 bermakna yang menjadi ahli persatuan ini tidak sampai 1/3 daripada keseluruhan bekas perajurit. Kementerian Pertahanan bertanggungjawab kepada seluruh bekas perajurit, tidak kira ianya ahli persatuan ataupun tidak. Maka untuk mengemaskannya inilah, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini kita buat. Semoga dengan perbadanan yang baru kita wujudkan **ini**, maka ianya akan lebih bermakna dalam membantu bekas-bekas perajurit.

Jadi, bila kita bercakap tentang soal bekas perajurit, kita harus melihat daripada kedudukan bekas perajurit itu sendiri. Kerajaan ingin membantu bekas perajurit ini terus kepada menyelesaikan masalah mereka. Sebab itulah keutamaan yang

diberikan, kalau kita lihat di dalam Akta **ini**, untuk memberikan kemahiran, kursus, pengetahuan kepada bakal bekas perajurit ini supaya mereka nanti boleh berdikari dalam kehidupan awam.

Jadi, kalau kita lihat di **sini**, approach ataupun pendekatan Kementerian ataupun Kerajaan dalam menubuhkan Tabung yang baru ini supaya Tabung ini dengan berkesan dapat melatih dan memberikan kemahiran kepada bakal bekas perajurit ini, semoga mereka akan dapat berdikari, menjadi usahawan, menjadi pengurus, menjadi ahli perniagaan dan seterusnya mereka akan berjaya dalam kehidupan awam.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pun, HEBAT yang ditugaskan oleh Kementerian mengendalikan perkara **ini**. Kita sudah mewujudkan ramai usahawan-usahawan walaupun mereka tidak berpangkat Jeneral. Kita lihat seperti yang menang dalam anugerah kita baru-baru ini - Arzan Motor misalnya, dari perniagaan yang kecil - dibantu oleh MARA, dibantu oleh bank - hari ini menjadi usahawan yang berjaya. Dan banyak lagi contoh-contoh di tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya apa yang boleh disediakan oleh kita ialah asas - kita beri pengetahuan, kita beri kemahiran, kita beri latihan. Kita bantu modal, kita bantu khidmat nasihat - itu asas. Untuk menambahkan asas **ini**, maka daya usaha sendiri, ketahanan mental, fizikal berpandukan latihan yang didapati dalam tentera haruslah digunakan. Dan bimbingan seperti ini jangan sekali-kali pihak masyarakat kita menidakkan usaha-usaha Kerajaan tersebut.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil contoh, kepada persatuan perajurit sendiri, Kementerian Pertahanan telah banyak membantu. Kita menubuhkan satu Jawatankuasa Rayuan Hari Pahlawan, kita koordinasikan tiap-tiap negeri untuk mengadakan jawatankuasa yang sama dan negeri-negeri pula memberikan kerjasama yang sangat baik, ada negeri-negeri mcmbelanjakan wang Kerajaan Negeri, mengadakan jamuan-jamuan makan malam - mengutip derma, dan jamuan-jamuan ini dibiayai sendiri oleh tiap-tiap negeri itu, dan seluruh derma itu diserahkan kepada Persatuan Bekas Perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup itu, persatuan telah merayu untuk mendapatkan bantuan pengurusan, seterusnya pada tahun 1992 Kerajaan telah mendapatkan RM400,000 yang diberi kepada persatuan untuk menampung perbelanjaan mereka pada tahun 1993 - RM1 juta kita carikan peruntukan untuk mereka menjalankan kegiatan mereka. Ini selain daripada derma-derma yang dikutip melalui Rayuan Hari Pahlawan, misalnya semenjak Kementerian Pertahanan membantu Persatuan Bekas Perajurit mengutip derma ini, kita telah meningkatkan jumlah kutipan derma, dahulunya hendak mencapai RM1 juta pun susah derma-derma ini.

Tetapi semenjak Kementerian membantu tahun 1991 kita telah mengutip RM2.3 juta, tahun 1992 - RM2 juta. Dan kalau kita bandingkan dengan tahun 1989 mereka hanya dapat mengutip RM800,000 sahaja, tahun 1990 mereka mengutip RM700,000 sahaja. Jadi, ini nampak bagaimana usaha Kerajaan untuk bersimpati dengan masalah ini walaupun itu bukan tugas kita, kita bantu persatuan untuk kutip derma.

Soalnya sekarang, bagaimana persatuan menggunakan wang ini, sama ada terus dapat membantu balu-balu ataupun orang yang susah - itu **ter-**pulang kepada budi bicara persatuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab **itu**, melalui pindaan ini kita berharap segala-gala perkara yang dahulunya tidak dapat kita lakukan kerana karenah pentadbiran dan sebagainya ataupun had-had pentadbiran melalui peraturan-peraturan yang banyak, kini akan dapat dibuat. Saya yakin masa hadapan bekas-bekas perajurit akan bertambah baik dengan adanya pindaan kepada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 11 -**

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan kalau boleh, dengan izin, muka surat 3, Fasal 5, seksyen 2 - takrif 'personel pesara'. Di sini ada disebut:

"personel pesara ertinya seorang pegawai atau seseorang laskar-laskar yang telah bersara atau telah diberhentikan atau yang telah menamatkan atau genap tempoh perkhidmatanya dengan angkatan tetap Malaysia;";

Saya mohon mencadangkan kalau dapat ditambah atau dipinda, selepas perkataan "angkatan tetap Malaysia" dengan perkataan atau askar British Persekutuan Tanah Melayu atau Malayan other ranks" yang merangkumi mereka yang pernah berkhidmat dengan Tentera British Tanah Melayu, tetapi berjuang di Tanah Melayu pada masa **itu**. Terima kasih.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan tersebut adalah merupakan takrif tentang "bekas perajurit" dan bila had yang dikatakan "bekas perajurit". Jadi, perkara yang tersebut adalah jelas dalam Akta ini, bekas-bekas perajurit dan pada pandangan Kementerian bahawa tidak perlu pindaan ini dilakukan sekarang, oleh kerana bekas perajurit itu merupakan istilah yang kita fahami bahawa mereka itu pernah berkhidmat di dalam tentera yang berkhidmat untuk negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ulang sekali lagi Fasal-fasal 1 hingga 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.**